



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA  
*SENATE*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL KETIGA  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**MENGANGKAT SUMPAH:**

Tuan Kee Yong Wee  
Tuan D. P. Vijandran }[Ruangan 3173]

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 3173]  
Memperkenalkan Akta-akta [Ruangan 3173]  
Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 3174]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3176]

**URUSAN MESYUARAT [3175]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) [Ruangan 3222]

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
[Ruangan 3280]

MALAYSIA

## PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL KETIGA

#### AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N., (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- » PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG.(Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).

- Yang Berhormat TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T.  
(Dilantik).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S.  
(Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P.  
(Dilantik).
- „ TUAN LIM KEAN Smw (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., p.p.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.  
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K.  
(Dilantik).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., JP. (Melaka).
- „ DATO DR K, S. NIJHAR (Dilantik).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,  
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K.  
(Dilantik).
- „ TAN SRI C. SELYARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SHAHROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.  
(Dilantik).
- „ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD,  
(Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAYCHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).
- „ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).
- „ TUAN D. P. YUANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.  
Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd.Salleh bin Abu Bakar.  
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.  
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.  
Penyunting Kanan: P. B., Menon.  
Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.  
Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.  
Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pemberita-pemberita:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.  
Suhor bin Husin.  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.  
Juliah binti Awam.  
Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Hassan.  
Shamsiah binti Mohd. Yusof.  
Hajjah Kalsom binti Ghazali  
Mohamed bin Osman.  
Norishah binti Mohd. Thani.  
Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA

**DEWAN NEGARA**

Isnin, 2hb Disember, 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA***(Tuan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)***MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

TuanKee YongWee.

TuanD. P. Yijandran.

**PEMASYHURAN TUAN  
YANG DI-PERTUA****Mengalu-alukan Ahli Baru**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang telah dilantik semula itu akan dapat terus memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara-negara.

**MEMPERKENALKAN AKTA-  
AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mem-

persetujuan Akta-akta yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu seperti berikut:

1. Akta Badan Berkanun Getah 1985;
2. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) (Pindaah) 1985; 1985;.
3. Akta Jalan Persekutuan (Pindaan) 1985;
4. Akta Perbekalan Tambahan (1985)1985;
5. Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1985;
6. Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985;
7. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) (No, 2) 1985; dan
8. Akta Pencen (Pindaan) 1985.

**PERUTUSAN DARIPADA  
DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rancangan Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan);
3. Rang Undang-undang (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan);
5. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Bank (Pindaan) dan
7. Rang Undang-undang Syarikat Kewangan (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t  
**YANG DIPERTUA  
DEWAN NEGARA.**

Bertarikh: 27hb November, 1985."

#### URUSAN MESYUARAT

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan);

3. Rang Undang-undang (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan);
5. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Bank (Pindaan); dan
7. Rang Undang-undang Syarikat Kewangan (Pindaan).

**Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.**

#### **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN**

##### **CUKAI TANAH SEKOLAH— PENGECEUALIAN**

1. **Tuan Ng Ah Poi** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada beberapa sekolah sedang menghadapi masalah menjelaskan cukai tanah yang begitu tinggi; jika sedar, adakah pihak Kementerian akan mengambil langkah-langkah supaya dikecualikan cukai tanah bagi sekolah-sekolah oleh kerana sekolah-sekolah bukanlah institusi perniagaan yang menguntungkan.

**Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menyedari bahawa ada beberapa sekolah yang menghadapi masalah menjelaskan cukai tanah.

Kawasan sekolah-sekolah yang tersebut sebenarnya dimiliki oleh Persatuan dan Pertubuhan yang berkenaan.

Kuasa untuk mengurangkan dan mengecualikan cukai tanah tersebut adalah dibuat oleh pihak berkuasa Negeri yang berkenaan.

**Tuan Haji Jaafar bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cukai tanah ini juga, ingin saya mendapat tahu bagaimanakah jika ada mereka yang bersukarela menyerahkan tanahnya kepada Kerajaan untuk mendirikan sekolah. Apakah pula perhatian dan pandangan Kerajaan. Jika ada, apakah bentuk perhatian itu?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, sebarang tanah yang diserahkan untuk dimiliki oleh Kerajaan akan didaftarkan di bawah nama Pesuruhjaya Tanah dan Galian, Persekutuan dan apabila ini dimiliki oleh Kerajaan, maka tidak ada cukai tanah yang dikenakan.

#### RAHSIA KERAJAAN— PEMBOCORAN

2. **Tuan Ahmad bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa sejak akhir-akhir ini terdapat rahsia Kerajaan dan maklumat yang penting di Jabatan-jabatan Kerajaan telah bocor seperti kertas tender dan anggaran perbelanjaan sesuatu Kementerian; jika sedar, nyatakan berapa banyak Jabatan dan Kementerian yang terlibat dengan kebocoran rahsia itu dan sudahkah Kerajaan mengambil tindakan undang-undang bersabit dengan kesalahan-kesalahan ini menurut Akta Rahsia Rasmi 1972.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yakob):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa sedar dan memberi perhatian yang serius terhadap kawalan rahsia-rahsia Kerajaan dan maklumat yang penting di jabatan-jabatan Kerajaan.

Kejadian kebocoran maklumat jabatan-jabatan Kerajaan seperti kertas tender dan anggaran perbelanjaan adalah berpunca dari sifat-sifat kelemahan manusia.

Kelemahan tersebut mungkin berpunca dari penjawat awam atau juga dari sesiapa sahaja yang dipertanggungjawabkan dengan kerahsiaan sesuatu maklumat yang berkenaan. Oleh itu, bilangan sebenarnya kejadian-kejadian di Kementerian dan jabatan yang terlibat dengan kebocoran maklumat tidak dapat ditentukan.

Sungguhpun demikian, apabila berlakunya kejadian-kejadian kebocoran maklumat Kerajaan, maka penyiasatan sewajarnya akan dibuat dan di mana terdapat bukti-bukti yang mencukupi pendakwaan akan di buat di bawah Akta Rahsia Rasmi, 1972.

Sehingga hari ini sebanyak 5 kes telah didakwa di bawah Akta tersebut yang mana 4 kes telah disabitkan kesalahannya, manakala satu lagi kes masih menunggu perbicaraan mahkamah.

#### PAKAIAN ARTIS-ARTIS DI TV

3. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Penerangan menyatakan bagaimana pelaksanaan peraturan pakaian para artis yang menggambarkan budaya bangsa serta tatasusila peradaban yang sesuai di dalam semua persembahan mereka di TV.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, soal pakaian artis-artis kakitangan RTM dan lain-lain orang yang muncul di kaca TV telah banyak diperkatakan dan telah banyak juga dijawab sama ada di dalam Dewan ini atau di luar.

Kebanyakan dari teguran tentang pakaian itu adalah ditumpukan kepada pengarah dari Barat dari segi pakaian.

Tuan Yang di-Pertua, garis panduan RTM mengenai pakaian tidak ada kaitan dengan timur, barat, selatan



atau utara, ianya berpadu umumnya kepada pertimbangan-pertimbangan yang berikut:

- (1) pakaian yang sopan dan bersusila.
- (2) pakaian yang sesuai dengan masa dan keadaan.

Umpamanya, kita tidak boleh menganggap orang yang berpakaian sepatu kulit, berseluar panjang dan kemeja lengan panjang dan bertali leher dan lengkap dengan "lounge suit" itu tidak sopan dan tidak bersusila, walaupun pakaian yang sedemikian adalah megikut garis kesusilaan Barat.

Kebanyakan dari penghuni Dewan yang mulia ini berpakaian yang sedemikian tanpa teguran umum bahawa pakaian ini tidak melambangkan kebudayaan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pakaian lengkap lounge suit seperti yang saya gariskan tadi, jika ianya sesuai untuk Dewan yang mulia ini, maka sesuai lah ia dengan pembaca-pembaca Berita RTM. Sebaliknya pula, pakaian yang sama adalah tidak sesuai untuk penceramah-penceramah yang bercakap mengenai penggunaan racun serangga dalam rancangan halaman pertanian.

Begitu juga pakaian tradisi Melayu yang lengkap dengan keris dan tanjak sesuai untuk upacara dan istiadat kebesaran dan tradisional tetapi tidak cucuk jika dipakai oleh pembaca berita. Itulah yang saya maksudkan dengan pakaian sesuai dengan masa dan keadaan.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar yang mengatakan bahawa arahan daripada pihak RTM sendiri kepada penerbit-penerbit sesuatu rancangan tidak mahu diikuti oleh pihak penerbit yang berkenaan dengan masalah pakaian?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang dipertua, itu tidak benar.

#### ASEAN—USAHASAMA PROJEK EKONOMI

**4. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat ini apakah projek-projek usahasama yang telah dijalankan oleh negara-negara ASEAN memandangkan pertubuhan itu telah wujud 18 tahun dan kerjasama ekonomi adalah satu-satu matlamatnya.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, semenjak ASEAN ditubuhkan beberapa projek usahasama telah dijalankan oleh ASEAN, khususnya dalam kerjasama ekonomi.

Projek-projek berkenaan telah dijalankan melalui beberapa bentuk seperti usahasama di antara Kerajaan dengan Kerajaan. Misalnya, pelaksanaan projek perindustrian ASEAN di mana dua daripadanya iaitu Projek Urea ASEAN di Indonesia dan projek Urea ASEAN di Bintulu, Malaysia telah pun memulakan operasinya.

ASEAN juga mengadakan projek usahasama dengan pihak swasta seperti melaksanakan skim komplementasi ASEAN yang membuat alat-alat gantian kereta motor dan usahasama perindustrian ASEAN.

Empat projek telah pun diluluskan dalam rangka ini iaitu:

- (a) Mechanical and Power Rack and Pinion Steering.
- (b) Constant Yelocity Joints.
- (c) Alat-alat gantian motosikal.
- (d) Projek Security Paper Mills ASEAN.

Selain daripada itu, ASEAN telah pun mengadakan projek Kerjasama dalam bidang-bidang pertanian, perdagangan, pelancongan dan sebagainya yang mempunyai matlamat untuk meningkatkan lagi pencapaian ekonomi ASEAN dan kemakmuran rakyat-rakyatnya.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, kita dapat khabar bahawasanya kerjasama ekonomi di antara negara-negara ASEAN setakat ini belum lagi memuaskan malah lebih banyak nampak kegagalan daripada beberapa rancangan yang telah pun diputuskan oleh negara-negara dalam ASEAN. Soalan saya adakah Kerajaan Malaysia akan terus juga berikhtiar untuk bekerjasama dalam bidang ekonomi dengan negara-negara ASEAN ataupun lebih minat bekerjasama dengan secara bilateral ataupun antara negara dengan negara, tidak secara ASEAN umumnya.

Kedua, tidakkah pihak Kerajaan Malaysia ingin mencadangkan agar suatu "summit meeting" diadakan di antara ketua-ketua negara dalam ASEAN untuk membincangkan khusus berkenaan dengan kerjasama ekonomi oleh kerana setakat ini kita nampak ASEAN hanya menumpukan kerjasama politik dan tidak kerjasama ekonomi.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi juga hasrat Kerajaan kita Malaysia bukan sahaja untuk menumpu kepada kerjasama di antara negara-negara ASEAN iaitu 6 buah negara tetapi menekankan juga sama untuk bekerjasama dari bilateral iaitu antara dua hala sepertimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah melawat Indonesia dan Thailand dalam beberapa masa yang lepas itu yang telah pun bersetuju bekerjasama dari segi bilateral bersabit dengan membuat alat-alat ganti motokar dan

sama juga dengan Thailand untuk bekerjasama komplementasi alat-alat gantian motokar juga.

Dengan adanya persetujuan daripada dua buah negara itu, kita berharap komplementasi ini akan dapat menambahkan lagi negara-negara lain bekerjasama dengan Malaysia-Indonesia misalnya dan juga Malaysia-Thailand umpamanya.

Jadi, oleh sebab untuk mengadakan persetujuan semua enam negara ini mungkin begitu sukar, sebab itulah hasrat Perdana Menteri mengadakan bilateral supaya negara-negara lain selepas daripada itu akan memasuki sama kerjasama bilateral ini.

Bersabit dengan soalan No. 2 berhubung dengan Summit ini, buat masa sekarang ini tidak ada secara rasminya perbincangan untuk mengadakan Summit untuk membincangkan masalah ekonomi. Walau bagaimanapun perkara ini bagi pihak kita tidaklah begitu mengambil berat lagi ataupun memikirkan perlunya mengadakan Summit buat masa sekarang ini. Bahkan di peringkat Menteri-menteri iaitu AEM (ASEAN Economic Ministers Meeting), dengan izin, telah pun mengadakan perbincangan. Dengan keadaan yang ada perhubungan dengan AEM ini di antara negara-negara ASEAN ini memadailah kita bertukar-tukar fikiran untuk mengatasi kesulitan ekonomi yang terdapat dan juga menambahkan lagi kerjasama ekonomi di antara negara-negara ASEAN.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakari** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan penerangan daripada Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya oleh kerana pada peringkat ini Kerajaan kita belum begitu berminat dan belum mendapati begitu penting untuk mengadakan sidang puncak ekonomi di antara negara-negara ASEAN ini

pada hal pada peringkat ini keadaan pertandingan sesama sendiri di antara negara-negara ASEAN sangat hebat kerana commodity yang dikeluarkan adalah sama, apakah pada pendapat Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri tidak perlu untuk mengadakan sidang puncak sedangkan negara-negara Eropah misalnya ada mempunyai satu pertubuhan EEC—European Common Market dan adakah Kerajaan kita menjalankan langkah-langkah supaya wujud satu Common Market, dengan izin, bagi negara-negara ASEAN yang mana kepentingannya sangat mustahak di rantau ini?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen**

**AI-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya telah sebutkan tadi buat sementara ini tidaklah perlu kita mengadakan satu sidang atau kemuncak untuk membincangkan masalah ekonomi oleh sebab sepertimana yang saya sebutkan tadi Menteri-menteri Ekonomi negara-negara ASEAN telah pun berjumpa bukan sahaja berbincang masalah ekonomi tetapi juga termasuklah perdagangan dan bermacam-macam perkara untuk meningkatkan lagi kerjasama. Walau bagaimanapun jikalau sampai masanya pada fikiran negara-negara ASEAN mengadakan sidang puncak ini kita akan adakan. Tetapi masa sekarang ini tidaklah pada fikiran saya, pada fikiran Malaysia perlu diadakan Summit buat sementara ini.

Yang kedua, jikalau di negara-negara EEC telah mengadakan sidang puncak maka saya rasa perkara masalah EEC ini tidaklah bersamaan dengan kita di negara-negara ASEAN ini. Kita telah pun memikir adakah perlu atau tidak kita mengadakan Common Market, dengan izin. Buat masa ini untuk permulaan kita mengadakan kerjasama sepertimana yang saya sebutkan tadi projek AIP, projek AIC dan projek AIJV dan

sebagainya. Itulah kerjasama yang buat masa sekarang ini penting supaya kita dapat mengatasi sampai masanya kita mengadakan Common Market maka kita akan mengkaji semula keadaan itu.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:**

Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soalan perhubungan ekonomi di antara negara-negara ASEAN, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah kita dapat rakan-rakan di dalam ASEAN ini mempunyai sikap yang jujur di dalam kumpulan ini di dalam masalah perhubungan ekonomi dengan negara-negara yang tertentu yang mempunyai masalah politik dengan negara-negara ASEAN, umpamanya, dengan Vietnam, Kampuchea, Israel dan Afrika Selatan?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen**

**AI-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, bersabit adakah negara-negara rakan kita di dalam ASEAN jujur, buat masa sekarang ini tidak ada bukti untuk mengatakan mereka ini tidak jujur. Tetapi di atas pendirian tiap-tiap satu negara dalam negara ASEAN ini dan bersabit dengan ekonomi dan juga barangan-barangan iaitu, dengan izin, "commodity" adalah berlainan sedikit sebanyak. Jikalau kita hendak menyatakan tidak jujur, tidaklah benar dan tidaklah betul dengan perkataan "tidak jujur" ditanya oleh Yang Berhormat Senator itu sekejap tadi.

Bersabit dengan perkataan perhubungan ekonomi kalau tidak silap saya dengan negara-negara Kampuchea, Vietnam dan Israel ini, boleh dikatakan kebanyakan negara-negara ASEAN ada persefahaman dan pendirian mereka dengan Malaysia. Tetapi kita tidak boleh menekankan perlunya semua negara-negara ASEAN mengadakan pendirian yang sama bersabit dengan perhubungan baik pun diplomatik dan ekonomi dengan negara-negara yang disebutkan

oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussein sekejap tadi. Jadi tidaklah kita perlu menekankan tiap-tiap satu dasar baik pun ekonomi ataupun politik kerana tiap-tiap negara ini ada sovereigntynya, ada kedaulatannya sendiri maka tidak bolehlah kita menekankan perlu kita mengadakan tiap-tiap pendirian dari segi polisi, ekonomi dan politik mestilah ada bersamanya.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sejauh mana kerjasama di dalam bidang keselamatan di antara negara-negara ASEAN untuk menghapuskan kejadian-kejadian jenayah dan khianat di perairan negara-negara ASEAN kerana nampaknya di saat-saat akhirnya ini perairan negara kita selalu dicerobohi dan menjadi mangsa kepada pengkhianat-pengkhianat dan penjenayah-penjenayah di laut?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menyatakan buat masa sekarang ini kita tidak ada satu dasar persamaan yang sama bersabit dengan keselamatan. Tetapi kita ada kerjasama dua hala (bilateral) di antara negara-negara yang berkenaan yang berjiran sangat dengan negara kita Malaysia. Di tepi saya di sebelah kanan ini ada Menteri Pertanian yang mungkin boleh menjawab dengan telitinya keadaan itu. Tetapi setakat ini sahajalah buat masa sekarang bagi kita pihak Kerajaan dengan begitu keras dan mengambii ketetapan untuk mengurangkan dan mengawal dalam perairan kita supaya penceroboh-penceoboh dan berlakunya kes-kes jenayah tidak begitu banyak dan kekurangan ataupun dapat dihapuskan langsung. Jadi sentiasalah pihak pasukan keselamatan kita bersedia mengawasi seberapa yang

boleh untuk menghapuskan pencerobohan dan berlakunya kes-kes jenayah di dalama perairan kita.

**Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada tiga soalan tambahan.

Yang pertamanya ialah projek industri berat kerjasama Malaysia dan perhubungan kerjasama di peringkat ASEAN. Sejauh manakah Kerajaan berusaha dan mendapat pendekatan projek industri berat Malaysia dengan kerjasama negara-negara ASEAN supaya kos yang ditanggung dapat diringankan dan pasaran dapat diluaskan.

Yang kedua, Yang Berhormat Menteri menyebut tentang kerjasama dari segi pengeluaran barang-barang ganti untuk motokar dan motosikal. Saya ingin bertanya tentang barang ganti untuk motokar, adakah untuk berbentuk usaha kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan-kerajaan lain dalam projek motokar nasional, Proton Saga?

Yang ketiga, kerjasama di antara negara-negara ASEAN adalah sebaik-baiknya dalam bentuk complementarity, dengan izin, tetapi jika sekiranya kerjasama tidak berbentuk complementarity, bahkan berdasarkan kepada keupayaan sebuah negara ataupun sebuah syarikat swasta sesuatu negara ASEAN berupaya mengeluarkan komponen atau bahan-bahan yang boleh digunakan oleh negara lain, alangkah lebih baik jika sekiranya kerjasama itu diterajukan oleh pihak Kerajaan dan diusahakan oleh pihak swasta, walaupun tidak secara complementarity, kerana ianya adalah lebih baik jika sekiranya kita mengimport bahan-bahan tersebut daripada negara seperti Jepun. Terima kasih.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan kerjasama industri berat di

antara negara-negara ASEAN, istilah industri berat ini adalah susah sedikit kita hendak mentakrifkan kerana setengah-setengah negara ada juga mengistilahkan seperti petro chemical industri berat. Jadi dalam petro chemical industri ini, kita buat masa sekarang tidak ada kerjasama lagi untuk mengadakan petro chemical industry, oleh sebab ini adalah satu perkara yang memerlukan banyak peruntukan wang sebagai pelaburan (investment) di dalam industri semacam ini.

Pada masa ini kita tidaklah pergi kepada joint-venture ataupun kerjasama di dalam membuatkan besi-besi sepertimana ditakrifkan juga industri berat, tetapi oleh sebab kita telah pun bersetuju untuk mengadakan AIP (ASEAN Industrial Project) di antara Kerajaan-kerajaan sepertimana saya sebutkan tadi, urea di Malaysia, di Indonesia dan di Thailand "Soda Ash" dan Filipina copper fabrication, dan di Singapura untuk membuatkan satu vaccine dinamakan vaccine hepatitis B dan yang akhirnya Brunei belum ada lagi memilih untuk mengadakan ASEAN Industrial Project ini, tetapi pihak Kerajaan bersetuju supaya rancangan-rancangan diadakan, digalakkan pihak swasta mengendalikan industri-industri ini iaitu di bawah AIJV (ASEAN Industrial Joint Venture) dengan tidak memerlukan peruntukan ataupun pelaburan daripada Kerajaan. Jikalau dua negara daripada ASEAN bersetuju untuk mengadakan satu-satu projek maka mereka boleh menjalankan projek ini dan negara yang ketiga dan keempat dan negara-negara lain jikalau bersetuju bolehlah memasuki kemudian kelak.

Bersabit dengan pertanyaan 2 dan 3, saya suka menjawab sekali oleh sebab ada kaitannya iaitu bersabit dengan Complementarity Scheme yang mana adalah menjadi dasar Kerajaan iaitu pihak swasta khususnya bolehlah

memberikan kerjasama diantara 2 negara ataupun 3 negara mengadakan Complementation Scheme ini. Sepertimana saya sebutkan tadi Malaysia boleh membuatkan pinion steering dan bermacam-macam alatan yang telah dipersetujui di antara negara-negara ASEAN, dan boleh memberikan barangan ini, bekalan ini kepada negara-negara ASEAN dengan kekurangan tarif atau import duty kepada negara-negara yang tersebut. Ini akan dapat lebih banyak lagi viability kepada syarikat-syarikat ASEAN ini di bawah Complementation Scheme ini menjalankan perniagaannya.

Di dalam hal Proton Saga pada fahaman saya HICOM sedia membeli barangan-barangan yang datangnya daripada negara-negara ASEAN di bawah Complementation Scheme iaitu AIC skim ini, jikalau harganya sesuai dan mutunya baik. Saya rasa tentulah lebih baik jikalau kita mengambil barangan-barangan ini jikalau mutu dan harganya baik kita membeli daripada negara-negara ASEAN dan rakan-rakan ASEAN daripada jauh seperti JEPUN. Oleh sebab di Jepun buat masa sekarang ini mengeluarkan begitu banyak, cost of production, dengan izin, adalah begitu kurang, sebab itulah kebanyakan negara-negara yang lain sama juga mengambil daripada Jepun kerana harganya tiap-tiap satu barangan alatan ganti ini adalah lebih competitive lagi. Jadi buat masa sekarang ini jikalau harganya murah dan mutunya baik kita sentiasa akan membeli barang-barang alat-alat ganti ini daripada negara-negara ASEAN.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Kamaruzaman bin Ahmad.

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 5.

### PROTON SAGA—KOMPONEN TEMPATAN

**5. Tuan Hassan bin Nam** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa hanya 170 daripada kereta Proton Saga menggunakan komponen buatan Malaysia dan jika benar bilakah kereta tersebut akan menggunakan 100% komponen buatan tempatan.

3-12-85

**24. Tuan Haji Shuib bin Lazim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar peratusan komponen-komponen kereta Proton Saga yang digunakan oleh kereta Proton Saga adalah tidak memuaskan dan jika benar bilakah kereta Proton Saga akan menggunakan komponen tempatan sahaja.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Haji Shuib bin Lazim pada 3 Disember, 1985 bersama-sama dengan pertanyaan ini oleh kerana kedua-duanya mempunyai kaitan dan maksud yang sama.

Adalah tidak benar bahawa hanya 17% daripada kereta Proton Saga menggunakan komponen buatan tempatnya. Pada peringkat permulaan pengeluaran kereta nasional, komponen-komponen tempatan berjumlah 42% daripada keseluruhan kereta yang dikeluarkan atau dipasarkan itu. Angka ini adalah memuaskan jika dibandingkan dengan persatuan komponen buatan tempatan yang terdapat dalam kereta-kereta yang dipasang dalam negeri, sebelum projek kereta nasional ini dilaksanakan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha menambah penggunaan komponen-komponen tempatan sedang dipertingkatkan dan dijangka akan mencapai peratusan yang tinggi sejajar dengan jumlah pengetuaran yang kian meningkat. Ini meliputi penggunaan bahagian-bahagian kritikal keluaran tempatan yang pada masa ini masih diimport, seperti enjin dan chassis. Dalam hal ini, adalah tidak wajar bagi kita terburu-buru meningkatkan komponen tempatan ke tahap yang lebih tinggi atau lebih banyak kerana faktor yang penting yang perlu diambil kira ialah "economies of scale", dengan izin. Dengan ketiadaan economies of scale harga komponen-komponen tempatan akan menjadi terlalu mahal dan ini akan menjejaskan kerjaya projek kereta nasional kita.

Lagipun, Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi strategi pengeluar-pengeluar kereta tersebar di dunia sekarang iaitu untuk mendapatkan komponen-komponen daripada mana juga negara yang dapat mengeluarkannya dengan harga yang rendah.

**Dato G. Pasamanickam:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya mendapat tahu tahun bilakah kereta Proton Saga kita boleh dapat 100% buaatannya di Malaysia.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini sukarlah bagi saya untuk memberi sesuatu masa yang muktamad bila masanya kita dapat mengeluarkan komponen-komponen tempatan 100% dan ini telah pun secara tidak langsung saya tegaskan di dalam jawapan saya tadi. Tetapi syukurlah kalau boleh saya beri Ahli Yang Berhormat jawapan bahawa matlamat kita memanglah pada satu hari kelak kita mengharapkan akan dapat mengeluarkan komponen-komponen kereta nasional ini 100%.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri yang mana sebentar tadi dia mengatakan barang-barang buatan dalam negeri untuk Proton Saga ialah lebih kurang 42%, bermakna 58% masih lagi diimport, yang mana kita ketahui diimport dari Jepun. Apakah implikasi di segi harga selepas matawang Jepun (Yen) naik harga sekarang?

Keduanya adakah dengan adanya kenaikan ini boleh melibatkan pinjaman HICOM berkenaan kontrak loan dalam Yen yang sebanyak \$352 juta itu?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, kedudukan pinjaman dan juga pasaran wang antarabangsa terutama sekali Yen, memanglah sentiasa kita ambil kira dan sekiranya bandingan antara wang Ringgit kita dan wang Yen Jepun itu menjejaskan kedudukan kita, tentulah kita akan sentiasa meninjau dan mengkaji bagaimana mengatasinya sama. ada mencari komponen-komponen dari lain negara, misal kata sekarang kadang-kadang disebut Taiwan dan juga Korea, kita akan memikirkan cara-cara untuk mengatasi keadaan seperti itu yang mana adalah keadaan yang bukan disengajakan.

#### LANTIKA DUTA/ PESURUHJAYA TINGGI DARI ORANG POLITIK

**6. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beberapa tahun yang lalu Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi adalah dilantik dari kalangan orang-orang politik tetapi kini jawatan tersebut diberikan kepada bukan orang politik, jika ya, sama ada benar Kementerian tidak berniat melantik orang-orang politik bagi jawatan tersebut.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawatan Duta-duta dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di luar negeri ini memang tidak dipastikan untuk mana-mana kalangan tetapi seperti biasa dalam amalan kita, kita ada juga melantik Duta-duta kita daripada pegawai-pegawai, dengan izin, sebagai "career development" mencapai kemuncak daripada jawatan mereka. Selain daripada itu dalam beberapa pusat-pusat negara-negara yang kita mempunyai sahabat, ada juga lantikan-lantikan daripada kalangan politik dibuat dan ini sebenarnya tidak mengikut garis panduan yang tertentu dan tidak mempunyai dasar tetapi mengikut masa dan keperluan di mana ianya dibuat selain daripada lantikan-lantikan daripada "carrer officers", dengan izin.

**Dato G. Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, berapakah jumlah Duta-duta Malaysia di seluruh dunia dan berapakah dari ini terdiri dari kalangan orang-orang India? (*Ketawa*),

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini memerlukan angka, saya memerlukan notis, tetapi saya tahu dengan pasti memang terdapat di kalangan Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya yang datanag daripada katangan orang-orang India.

#### PERJANJIAN USAHASAMA PENANGKAPAN IKAN DI LAUT DALAM

**7. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Pertanian menyatakan faedah dan keuntungan cadangan Kementerian ini hendak mengadakan perjanjian usahasama penangkapan ikan di laut dalam dengah negara Thailand, sedangkan nelayan tempatan tidak senang dengan cadangan tersebut.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim);** Tuan Yang di-Pertua, cadangan usahasama penangkapan ikan di laut dalam dengan negara Thailand itu adalah dalam rangka usahasama dan kerjasama Kerajaan Malaysia dan Thailand. Pihak Thailand telah memberikan persetujuan termasuk dalam membangunkan sektor kawasan pertanian Lembah Sungai Golok dan di antara cadangan balas mereka ialah supaya dapat diwujudkan suatu usahasama penangkapan ikan di laut dalam dengan Malaysia. Oleh yang demikian pihak Kerajaan, khususnya Kementerian, terpaksa meneruskan dengan beberapa siri rundingan agar tercapainya persetujuan dalam hal tersebut.

Dalam cadangan kita ini, kita pastikan bahawa kepentingan nelayan-nelayan tempatan tidak akan dikorbankan bahkan nelayan-nelayan tempatan akan mendapat beberapa faedah termasuklah ekuiti dalam syarikat yang berkenaan dan syarat-syarat yang ketat telah pun diadakan sebagai satu cadangan yang dikemukakan kepada pihak Thailand.

Yang penting ditekankan di sini ialah bahawa sekarang ini perkara tersebut masih di peringkat cadangan. Kita telah mengenakan dan mengemukakan syarat-syarat yang tegas kepada pihak Thailand dan pihak Thailand sekarang sedang mengkaji dan meneliti syarat-syarat tersebut. Belum ada apa-apa persetujuan dengan pihak Thailand berhubung dengan cadangan usahasama penangkapan ikan di laut dalam.

Sementara itu kita sedang meneruskan perundingan dengan nelayan-nelayan tempatan agar mereka dapat memahami sepenuhnya maksud tersebut dan agar penyertaan mereka secara aktif dan langsung dalam usahasama itu dapat diwujudkan. Tanpa persetujuan dan persefahaman dengan nelayan-nelayan

tempatan adalah sukar bagi pihak Kerajaan untuk meneruskan dengan rancangan tersebut.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar Kementerian Pertanian sungguh-sungguh mengambil berat di dalam masalah pembangunan pertanian di negara ini terutama kepada kaum-kaum nelayan yang dianggap daripada kalangan yang agak kurang bernasib baik sedikit daripada golongan-golongan lain. Kita sedar kejayaan Kementerian Pertanian sehingga akhir-akhir ini, kerbau Malaysia tidak lagi berkubang di sawah tetapi sebaliknya kerbau Malaysia sudah pandai mandi laut. Cuma saya suka menarik perhatian untuk mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, apakah usahasama yang akan dirancangkan ini akan dilaksanakan di peringkat Kerajaan atau di peringkat syarikat kerjasama (co-operative) atau di peringkat perseorangan, rakyat di antara kedua negeri.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut cadangan yang kita kemukakan kepada pihak Thai, kerjasama di pihak Malaysia ialah dengan melibatkan penyertaan langsung persatuan-persatuan nelayan sendiri ataupun Persatuan Nelayan Kebangsaan yang akan ditubuhkan. Kerajaan hanya akan memastikan bahawa kepentingan mereka terkawal dan peranan Kerajaan dan Jabatan Perikanan khususnya hanyalah untuk mengawal kepentingan syarikat yang tersebut.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Menteri yang berkenaan sedar bahawa rundingan-rundingan di antara pegawai-pegawai kita sama ada peringkat Menteri ataupun peringkat pegawai tinggi, di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thai sering berlaku tetapi tidak sampai, tetapi persetujuan itu hanya pada peringkat



atas sahaja. Adakah pihak Menteri itu sedar bahawa keadaan itu sering berlaku.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan dan Kementerian sedar bahawa kadang-kadang pihak atas sahaja tahu, ada kadang-kadang pihak atas dan bawah tahu, dan ada kadang-kadang pihak atas tahu dan pihak bawah tidak tahu. Walau bagaimanapun, saya hendak memberi penjelasan kalau dalam kes usahasama-usahasama yang dicadangkan ini, sementara pihak pegawai mengadakan rundingan, wakil-wakil Persatuan Nelayan diberi makluman penuh tentang kemajuan yang dicapai. Inilah jaminan yang telah kita berikan kepada wakil-wakil Persatuan Nelayan bahawa setiap langkah yang hendak diambil pandangan mereka akan diminta terlebih dahulu dan persetujuan mereka harus didapati terlebih dahulu.

Mengenai perkara-perkara lain termasuk persetujuan di peringkat Menteri di mana pencerobohan nelayan Thai itu dapat dikawal, pihak Kerajaan Thai telah pun mengambil tindakan dan langkah-langkah untuk memastikan bahawa pencerobohan ini dapat dikurangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh.

**Tuan D. P. Vijandran:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

#### VISA BAGI RAKYAT INDIA

8. **Tuan D. P. Vijandran** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada:

- (a) Kerajaan akan menimbang untuk membatalkan keperluan visa bagi Rakyat India yang melawat Malaysia atau Kerajaan boleh menimbang untuk

meluluskan tempoh masa lawatan minima selama 3 bulan; dan

- (b) Kerajaan boleh menimbang untuk Rakyat India membaharui visa di Kuala Lumpur sahaja tanpa perlu pergi ke negara lain yang berhampiran.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk meminda atau membatalkan peraturan visa yang dikenakan ke atas pemegang-pemegang passport dan dokumen perjalanan India.

#### TABUNG PELABURAN BARU

9. **Tuan Kee Yong Wee** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah respon yang baik atas Tabung Pelaburan Baru dengan peruntukan \$1 ribu juga yang dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini untuk memajukan sektor pembuatan, pertanian dan pelancongan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sambutan kepada Tabung Pelaburan Baru adalah baik. Sejak skim ini dilancarkan pada 17hb September, 1985 sehingga 22hb November, 1985, sebanyak 28 permohonan yang melibatkan 24 projek bernilai \$152.4 juta telah diluluskan. Daripada 24 projek tersebut, 7 projek adalah merupakan projek pertanian, 15 projek pembuatan dan 2 projek pelancongan.

#### FELDA—PROSES PERMOHONAN

10. **Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan benarkah FELDA

kekurangan bakal peneroka sehingga berjumlah 50,000 orang untuk mengisi 130 rancangan FELDA yang telah siap dibuka; jika benar apakah sebab-sebab berlaku kelambatan memproses permohonan peneroka untuk menyertai rancangan-rancangan FELDA ini; adakah disebabkan kelemahan dalam FELDA sendiri dan jika ya, apakah tindakan Menteri untuk mengatasinya.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):** Tuan Yang di-Pertua, hingga sekarang untuk 150 rancangan yang belum diisi peneroka iaitu dari jumlah 385 rancangan semuanya, 235 yang sudah diisi, maka FELDA memerlukan 50,000 orang peneroka lebih kurang bahkan lebih. Pemohon-pemohon yang sedang diproses masa kini ialah 14,300 orang di samping 10,932 orang yang telah pun diproses dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan FELDA.

Untuk maklumat Yang Berhormat dan Dewan, sehingga kini FELDA telah memajukan sejumlah 385 buah rancangan sehingga akhir tahun 1984. 235 buah daripadanya telah ditempatkan dengan peneroka. Bagi tahun 1985, FELDA telah dan sedang mengambil tindakan untuk menempatkan peneroka di 14 buah rancangan lagi. Matlamat penempatan peneroka di rancangan FELDA ialah seramai 6,000 orang setahun. Bagi tahun ini seramai 4,500 orang peneroka telah ditempatkan dan untuk mencapai matlamat penempatan peneroka pada tahun ini seramai 1,500 orang lagi daripada 10,932 orang calon-calon peneroka dalam senarai menunggu telah pun dipelawa untuk melaporkan diri Bilangan Calon Peneroka senarai menunggu sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi ialah mencukupi untuk penempatan peneroka bagi tahun 1986.

Untuk mendapat calon-calon peneroka, FELDA sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengadakan temuduga dari masa ke semasa bagi memperolehi bilangan peneroka yang mencukupi. Kementerian saya juga berpendapat sebagai langkah mengelakkan daripada calon-calon peneroka menunggu lama untuk dipelawa memasuki sesuatu rancangan adalah wajar sekiranya jumlah calon disenarai menunggu tidak sepatutnya melebihi bilangan calon yang diperlukan untuk penempatan dalam tempoh 2 tahun.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai syarat-syarat bakal-bakal peneroka ini yang terlampau rigid. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menimbangkan oleh kerana keadaan-keadaan kemelesetan ekonomi banyak di antara pekerja-pekerja lombong, kapal korek dan sebagainya yang telah diberhentikan, dengan izin, retrenched, walaupun mereka ini tidak mendapatkan syarat-syarat umur yang dikehendaki dan sebagainya? Apakah pihak FELDA tidak boleh mempertimbangkan kerana kes-kes keadaan yang boleh dikatakan darurat pada masa kini?

Bolehkah mereka itu dengan tidak mencukupi syarat tetapi diterima masuk atas alasan-alasan kemelesetan ekonomi, mereka ini telah membuang kerja, sedangkan mereka ini dahagakan pembelaan daripada pihak Kerajaan?

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut pandangan saya, syarat-syarat untuk menjawab calon tidaklah rigid, bahkan kita sentiasa mengkaji syarat-syarat itu. Untuk melonggarkan lagi untuk menghadapi keadaan darurat, kita sentiasa dan bersedia

menghadapinya kiranya darurat itu diisytiharkan dan masalah melonggarkan tidak menjadi masalah.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya tekankan di sini ialah mereka yang menunggu dipanggil temuduga sehingga bertahun-tahun daripada mula menghantar borang permohonan. Adakah umur mereka sewaktu mengisi permohonan itu ditolak apabila mereka dipanggil temuduga? Jadi kadang-kadang dia dipanggil temuduga sudah melebihi umur, jadi di situ menyebabkan kegagalan. Adakah umur semasa menulis borang itu atau umur semasa temuduga yang diambil kira?

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, umur semasa ditemuduga kita ambil kira tetapi ada juga kelonggaran-kelonggaran yang telah kita buat setelah permintaan beberapa pihak, seperti misalnya ada Kerajaan Negeri yang telah meminta melonggarkan syarat umur daripada 40 tahun kepada 45 tahun untuk membolehkan anak-anak negerinya menyertainya dengan syarat Kerajaan Negeri bersetuju dan telah pun kita buat dalam negeri Pahang kerana negeri Pahang berpendapat banyak orang luar masuk dalam rancangan FELDA yang merupakan 40% daripada rancangan-rancangan FELDA berada di negeri Pahang. Maka untuk memberi peluang kepada anak-anak negeri Pahang, kelonggaran telah dibuat khususnya untuk negeri Pahang.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan saya yang mula-mula di soal jawab ini, adakah kelambatan dalam memproses. Jadi kalau begitu, saya nampak ada berlaku kelambatan sedikit. Sekiranya ada berlaku kelambatan seperti ini, inilah yang menjadi rungutan kepada sebahagian mereka yang menunggu dipanggil

temuduga tidak dipanggil, kemudian apabila dipanggil, umur sewaktu temuduga diambil kira maka dia tidak dapat menyertai FELDA, maka timbul perasaan marah kepada Kerajaan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar tentang hal ini?

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab dalam soalan pertama tadi, apabila kita menentukan tiap-tiap bilangan calon itu kalau dapat tempoh dua tahun dan adalah wajar jika jumlah calon disenarai menunggu tidak sepatutnya melebihi bilangan calon yang diperlukan untuk penempatan dalam tempoh 2 tahun.

Seperti yang saya katakan lebih awal tadi iaitu lebih kurang yang sudah diproses iaitu yang menunggu, sudah ditemuduga dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri 10,932 orang dan setahun kita menempatkan lebih kurang 6,000 orang dan kita cuba juga hendak menyediakan senarai untuk dua tahun supaya tidak terlalu lama bakal-bakal calon menunggu.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Soalan tambahan. Yang saya faham bahawa peneroka-peneroka dibawa masuk setelah pokok-pokok getah atau kelapa sawit sudah pun hampir mendapat hasil. Tetapi di negeri Perlis ada projek yang mana peserta-peserta telah dimasukkan hampir dua tahun tetapi pokok getah masih belum ada lagi. Mungkin ini berlaku disebabkan kontraktor-kontraktor melakukan penyelewengan dalam menanam pokok-pokok getah. Adakah Kementerian sedar perkara ini berlaku.

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut amalan FELDA kita memasukkan peneroka setelah peneroka dapat menampung sara hidupnya iaitu mestilah kalau sawitnya sudah berbuah dan kalau getahnya boleh ditoreh. Ini ialah amalan

FELDA tetapi dalam kes ini Yang Berhormat tidak menyatakan rancangan-rancangan yang mana, jadi saya harap dapat notis supaya dapat saya siasat kerana amalan FELDA tidak pernah menempatkan peneroka kalau belum ada sara hidupnya untuk menampung hidupnya.

**Tuan Haji Husein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, seluruhnya kita akui FELDA sudah berjaya. Ertinya dasar Kerajaan untuk menolong rakyat sudah berjaya walaupun ada satu dua peneroka sendiri yang tidak bersyukur dan tidak menyedari di atas kejayaan Kerajaan ini. Saya ingin tahu di dalam keadaan harga getah dari minyak sawit menurun sekarang ini, apakah pihak FELDA telah merencana untuk mempelbagaikan tanaman-tanaman dimasa hadapan.

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya FELDA telah pun mempelbagaikan tanaman iaitu bukan sahaja kita bergantung kepada getah dan sawit bahkan kita juga telah memulakan rancangan koko dan kita juga sudah menjalankan tanaman tebu seperti di Copeng, Perlis mengikut sistem saham.

Yang belum kita pelbagaikan iaitu aktiviti-aktiviti peneroka selain daripada hanya semata-mata bergantung kepada tanaman utama iaitu getah, sawit, koko ataupun tebu di mana FELDA dengan harga yang menurun ini perlu timbang semula apakah kegiatan-kegiatan di luar ladang seperti memelihara biri-biri dan sebagainya seperti yang dibuat oleh RISDA, mungkin kerana FELDA melihat tidak perlu asas ladang yang begitu luas iaitu 10 ekar ataupun 8 ekar maka kalau yang begitu luas iaitu 10 ekar ataupun 8 ekar maka kalau harga getah turun sekarang pun lebih kurang satu ekar \$40, pendapatan 10 ekar masih lagi di atas paras kemiskinan, mungkin itu agaknya alasan dan satu

lagi alasan FELDA ialah untuk menentukan peneroka-peneroka menumpukan sepenuh masa kepada tanaman utamanya tetapi oleh kerana harga merosot, maka mungkin terpaksa dikaji semula dasar ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said.

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang ke 11 dan saya suka membuat pembetulan di sini sedikit iaitu "cukai jualan", bukan "cukai jalan", -cukai jualan dan cukai judi.

#### CUKAI JUALAN

**11. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Kewangan menyatakan menurut perangkaan, "cukai jualan" dan judi ialah sebanyak 5% iaitu sebahagian daripada Hasil Kerajaan Persekutuan. Adakah menjadi hasrat Kerajaan menghapuskan cukai-cukai perjudian di masa akan datang.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak berhasrat untuk menghapuskan cukai-cukai perjudian dimasa akan datang.

#### KAMPUNG BARU— MEMPERBAIKI

**12. Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan keadaan yang paling buruk yang terdapat di sebilangan besar daripada kampung baru apakah rancangan Kementerian untuk memperbaiki keadaan ini demi kepentingan penduduk-penduduk di kampung-kampung baru yang terlibat.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa sebagai satu langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah-masalah kampung baru dengan lebih berkesan lagi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merangka satu pendekatan baru dalam pembangunan kampung-kampung baru dengan berlandaskan kepada objektif-objektif berikut:

- (1) menjadikan kampung-kampung baru sebagai kawasan pertempatan manusia, dengan izin, human settlement yang sempurna yang dapat menjamin suasana kehidupan yang lebih sempurna melalui penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sosio ekonomi yang diperlukan; dan
- (2) memajukan kampung-kampung yang sesuai dan berpotensi sebagai pusat-pusat bandar kecil berlandaskan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi moden. Dalam melaksanakan pendekatan ini, tumpuan akan diberi bukan sahaja kepada aspek-aspek fizikal seperti kemudahan-kemudahan asas tetapi juga kepada aspek-aspek sosio ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga ditegaskan bahawa selain daripada usaha-usaha Kementerian, dalam pembangunan kampung-kampung baru ini, agensi-agensi Kerajaan yang lain juga terlibat secara langsung dan secara tidak langsung di dalam meningkatkan lagi mutu hidup masyarakat di kampung-kampung baru. Antara lain adalah Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerja Raya, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan. Sebagai contoh Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak \$6 juta untuk memajukan kampung-kampung baru bagi tahun yang lepas.

## KEMALANGAN JALAN RAYA— MENGURANGKAN

**13. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah usaha JPJ bagi mengurangkan kemalangan jalan raya memandangkan kemalangan jalan raya meningkat dari tahun ke tahun dan nyatakan kumpulan umur berapakah yang banyak sekali terlibat dalam kemalangan jalan raya.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, usaha-usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan-jalan raya kita adalah satu proses yang berterusan. Usaha-usaha ini melibatkan Jabatan Pengangkutan Jalan, pihak Polis serta orang ramai dan juga agensi-agensi yang berkaitan.

Dalam pada itu Majlis Keselamatan Jalan Raya juga memainkan peranan sebagai sebuah badan penasihat dan perunding berhubung dengan langkah-langkah keselamatan jalan raya. Sejauh yang mana melibatkan Jabatan Pengangkutan Jalan, pegawai-pegawainya adalah dikehendaki menentukan bahawa peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang ditetapkan terhadap tata tertib pemandu-pemandu, sekolah-sekolah memandu dan keadaan keselamatan kenderaan-kenderaan adalah dikuatkuasakan dengan sewajarnya.

Stsem keselamatan jalan raya ataupun KEJARA telah dilaksanakan sejak bulan April 1984 di samping itu alat-alat amaran had laju hendaklah dipasang di dalam kenderaan-kenderaan perdagangan yang tertentu menjelang 31hb Disember 1985. Perhatian yang berat juga telah diberikan kepada sekolah-sekolah memandu untuk menentukan mereka mencapai mutu dan kecekapan yang dikehendaki.

Jabatan Pengangkutan Jalan akan terus memperhatikan kedudukan ini dan akan mengambil langkah-langkah yang lain sekiranya diperlukan dengan tujuan untuk mengurangkan lagi bilangan kemalangan-kemalangan jalan raya di negara ini. Pemandu-pemandu yang banyak sekali terlibat dalam kemalangan-kemalangan jalan raya ialah dalam lingkungan umur antara 26 tahun ke 45 tahun.

#### MAJLIS TIMAH ANTARA-BANGSA KEANGGOTAAN MALAYSIA

14. **Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Malaysia bercadang menarik keanggotaannya dan Majlis Timah Antarabangsa untuk membolehkan Negara ini menyaingi pengeluaran dan pasaran Antarabangsa yang bebas.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menjadi anggota Perjanjian Barangan Antarabangsa bagi timah dan getah di mana kita adalah bertanggungjawab bagi memastikan keberkesanan perjanjian-perjanjian tersebut. Sebagai negara anggota Malaysia telah mendapati bahawa penyertaan kita di dalam kedua-dua perjanjian barangan tersebut adalah berguna dan telah memberi manfaat dalam menstabilkan harga kedua-dua bahan tersebut.

Persoalan menarik diri dari keanggotaan Majlis Timah Antarabangsa atau ITC tidaklah timbul.

ITC kini sedang menghadapi satu krisis dan adalah menjadi hasrat Malaysia untuk terus bekerjasama dengan lain-lain negara anggota bagi mencari jalan untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi itu.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua Kenapakah Kerajaan Malaysia terlampau begitu taat dengan perjanjian-perjanjian ITC ini, kerana didapati ada pendapat-pendapat yang mengatakan ITC ini hanyalah menguntungkan satu atau dua buah negara pengeluar bijih timah sahaja sedangkan Malaysia dengan harga yang kurang daripada yang ditetapkan oleh ITC mampu mengeluarkan bijih dengan kos yang rendah. Dengan kita begini patuh dengan perjanjian ITC maka banyak lombong-lombong kita yang tutup dan banyak rakyat di negara ini yang menganggur. Apakah ini baik untuk diteruskan juga.

**Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang telah merdeka dan berdaulat yang terkenal di seluruh dunia, kita memang patuh di atas satu-satu perjanjian yang kita anggotai, tetapi setelah mengalami beberapa aktiviti-aktiviti dalam masa-masa yang lampau ini itu sebabnya sehingga ke hari ini keputusan ITC tidak dapat dibuat secara muktamad mungkin kerana kita sedang mengkaji perkara ini dengan semasak-masaknya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, tempoh untuk soaljawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 31 adalah diberi di bawah ini.)*

#### PROGRAM SEKOLAH INTEGRASI

15. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah persediaan dan bentuk kegiatan yang telah disusun bagi melaksanakan **PROGRAM SEKOLAH INTEGRASI** dan nyatakan jumlah Sekolah Kebangsaan

dan Jenis Kebangsaan serta lokasinya yang telah dikenalpasti di peringkat permulaan; serta bilakah dijangka program ini akan dapat dilaksanakan sepenuhnya seluruh negara.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nama Program Sekolah Integrasi telah ditukar kepada Rancangan Integrasi Murid-murid untuk Perpaduan.

Kementerian Pelajaran telah menyiapkan draf Buku Garis Panduan untuk melaksanakan rancangan tersebut. Satu bengkel mengenai rancangan tersebut diadakan di Johor Bahru pada minggu ini dan draf Buku Garis Panduan Rancangan Integrasi Murid-murid Untuk Perpaduan ini akan dibincangkan. Adalah diharapkan selepas bengkel tersebut, satu draf Buku Garis Panduan yang lebih padu dapat dihasilkan.

Selain daripada itu, sekolah-sekolah dan guru-guru Besar yang terlibat dalam rancangan ini telah dikenalpasti.

Di antara kegiatan-kegiatan yang dicadangkan ialah kegiatan bercorak sukan, permainan dan khidmat masyarakat.

Sebagai permulaannya, 61 buah sekolah akan terlibat dalam rancangan ini. Sekolah-sekolah yang terlibat ini terletak dalam kawasan yang sama ataupun berhampiran tetapi tidak di dalam kawasan yang sama. Sekolah-sekolah tersebut ialah:

- |            |         |
|------------|---------|
| 1. SK/SRK  | 23 buah |
| 2. SRJK(C) | 20 buah |
| 3. SRJK(T) | 18 buah |

61 buah

Pelaksanaan rancangan ini sepenuhnya untuk seluruh negara adalah bergantung kepada hasil rancangan percubaan yang akan dilaksanakan pada tahun 1986.

## PROJEK TURNKEY

16. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Perdana Menteri menyatakan golongan manakah yang lebih banyak dapat manfaat dari projek-projek turnkey dan tender-tender perundingan yang diwujudkan oleh Kerajaan itu. Adakah pernah kedatangan mereka yang dianugerahkan dengan projek turnkey dan tender perundingan itu memberikannya pula kepada orang lain. Jika ada apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang berkenaan itu.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Berdasarkan perangkaan dan syarat-syarat tertentu yang dikenakan ke atas kontraktor turnkey, golongan tempatan mendapat lebih banyak manfaat dalam projek-projek turnkey.

Berhubung dengan tender rundingan, penggunaannya setakat ini adalah terhad kepada projek yang hendak disiapkan dengan segera atau dalam keadaan dharurat sahaja. Kontrak secara ini diberikan kepada kontraktor tempatan dan luar negeri atau usahasama tempatan dan luar negeri bergantung kepada tingkat kepakaran teknikal yang diperlukan bagi projek-projek yang terlibat.

Setakat yang diketahui, tidak ada mana-mana kontraktor yang telah dianugerahkan dengan projek turnkey dan tender perundingan memberikannya pula kepada orang lain. Walaupun demikian, untuk memastikan perkara ini tidak berlaku, pihak-pihak yang berkuasa sentiasa menjalankan pengawasan dan penguatkuasaan mengenai perkara ini.

## AJARAN AGAMA SESAT

17. **Tuan Haji AbduJ Wahab bin Abu Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan berapa jumlah Ajaran Agama sesat yang telah dikenalpasti hingga sekarang di seluruh negara dan

apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menghapuskannya supaya tidak terus menyesatkan umat Islam sendiri:

- (i) adakah Kerajaan bercadang untuk mengharamkan seni silat pertahanan diri yang kebanyakannya telah diresapi oleh ilmu-ilmu ajaran sesat itu;
- (ii) negeri manakah di Malaysia yang banyak didapati ajaran sesat itu dan kepada berlaku demikian; dan
- (iii) pemimpin-pemimpin Kerajaan selalu mengingatkan rakyat mengenai Fanatik Agama. Apakah yang dimaksudkan serta taarif Kerajaan terhadap "Fanatik Agama" itu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Noor):** Pada masa ini terdapat 21 ajaran sesat yang telah dikenalpasti di seluruh negara. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membendung penyebaran ajaran sesat antaranya ialah melalui penerangan-penerangan dan penjelasan kepada orang ramai melalui syarahan-syarahan, penyebaran risalah, khutbah Jumaat dan sebagainya. Di samping itu langkah-langkah undang-undang juga diambil sekiranya didapati cukup bukti-bukti dan saksi-saksi untuk dibawa ke Mahkamah.

- (i) Kerajaan tidak bercadang untuk mengharamkan seni silat pertahanan diri kerana tidak ada bukti bahawa kegiatan tersebut telah diresapi oleh ilmu-ilmu ajaran sesat. Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat atau sesiapa juga yang mempunyai bukti yang jelas dan disahkan oleh pihak berkenaan hal ehwal agama Islam bahawa seni silat pertahanan diri telah diresapi oleh ilmu-ilmu ajaran sesat,

sukacita kemukakannya untuk perhatian Kerajaan supaya tindakan yang wajar terhadap kumpulan berkenaan dapat diambil.

- (ii) Pada masa ini belum ada satu-satu negeri di Malaysia yang boleh dianggap mempunyai lebih banyak ajaran sesat dari negeri-negeri lain. Ini adalah kerana pembawa ajaran sesat sentiasa bergerak dari satu tempat ke satu tempat atau dari satu negeri ke satu negeri di seluruh negara dan pengikut-pengikutnya adalah tidak tetap dan berubah.

- (iii) "Fanatik Agama" bolehlah ditakrifkan sebagai "mana-mana golongan atau individu, yang bertindak secara taksab untuk mencapai matlamat dan kepentingan peribadi mereka tetapi bertopengkan sesuatu ajaran atau agama, yang dilaksanakan di luar patas-batas moral, tatasusila dan perundangan serta tanpa menghiraukan atau menghormati kepentingan-kepentingan orang lain". Golongan atau individu ini akan cuba memesongkan mereka yang tidak cukup pengalaman dan pengetahuan dari segi ajaran agama sebenar. Kegiatan secara corak pendekatan seumpama ini, bukan sahaja mengeliru dan memecah-belah, tetapi juga menimbulkan kegelisahan di kalangan masyarakat di negara ini.

#### IMBANGAN PEMBAYARAN

**18. Tuan Abdul Ghani Othman** minta Menteri Kewangan menerangkan adakah wajar langkah-langkah untuk



mengurangkan kurangan perdagangan tidak ketara dalam imbalan bayaran melalui:

- (i) galakan import secara FOB dan eksport secara CIF;
- (ii) galakan mengimport dan mengeksport dengan menggunakan perkhidmatan perkapalan Malaysia; dan
- (iii) mensyaratkan keutamaan diberi kepada perkhidmatan perkapalan Malaysia untuk membawa kargo Kerajaan sama ada eksport atau import.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Langkah-langkah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah wajar dilaksanakan. Langkah-langkah ini bukanlah terhad kepada mengurangkan kurangan dalam akaun tidak ketara imbalan pembayaran tetapi adalah memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran negara keseluruhannya. Di samping itu juga ia dapat menggalakkan penambahan kemudahan-kemudahan dan kepakaran dalam negeri di dalam bidang perkapalan dan insurans.

#### PELAJAR SARAWAK DI UNIVERSITI TEMPATAN

19. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pengambilan pelajar-pelajar Negeri Sarawak tahun ini ke dalam universiti-universiti di negara kita, pecahan mengikut sukubangsa dan peratusnya ke atas jumlah kelulusan STPM negeri Sarawak.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Jumlah pengambilan pelajar-pelajar Sarawak ke universiti-universiti tempatan pada tahun ini ialah seramai

142 orang. Jumlah tersebut adalah merupakan 8% daripada 1,815 orang pelajar yang Julus STPM di negeri Sarawak tahun lalu. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran tidak menyimpan rekod pelajar-pelajar mengikut kelompok-kelompok suku kaum seperti Dayak, Kadazan dan seumpamanya. Pelajar-pelajar dari kelompok-kelompok suku kaum yang berkenaan digolongkan sebagai Bumiputera sahaja. Oleh kerana itu perangkaan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah dapat diberikan.

#### PROTON SAGA—PASARAN

20. **Tuan Hassan bin Nam** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah banyaknya kereta-kereta Proton Saga yang telah pun dijual selepas pelancaran pasarannya pada 1 September 1985 hingga 31 Oktober 1985;
- (b) nyatakan cawangan tempat-tempat wakil penjual kereta Proton Saga di tiap-tiap negeri; dan
- (c) setakat ini ke berapa buah negara kereta Proton Saga telah dieksport serta bilangannya.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana terdapat persaingan hebat dalam perniagaan kereta, maka adalah didapati tidak wajar diumumkan angka mengenai penjualan dan penempahan Proton Saga. Penjualan kereta Proton Saga setakat ini sangatlah menggalakkan. Mengenai anggaran keluaran bagi tahun 1986, mengikut rancangan adalah sebanyak 40,250 unit.

Setakat ini EON telah menubuhkan sebanyak 20 cawangan di tempat-tempat seperti berikut:

Johor .. .. .	1
Kedah .. .. .	1
Kelantan .. .. .	1
Melaka .. .. .	1
N.Sembilan .. .. .	1
Pahang .. .. .	1
Penang .. .. .	2
Perak .. .. .	1
Perlis .. .. .	—
Sabah .. .. .	1
Sarawak .. .. .	1
Selarigor dan Wilayah Persekutuan	8
Terengganu ..	1
Jumlah	20

Mengenai pemasaran kereta Proton Saga ke luar negeri, pihak Proton telah menerima banyak pertanyaan daripada luar negeri dan mereka yang berminat untuk mengimport kereta Proton Saga. Sehingga kini pihak Proton belum dapat menimbangkannya kerana kajian teliti sedang dijalankan oleh Proton untuk menentukan dasar eksportnya bagi memastikan dasar tersebut dapat dibuat dengan jayanya.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat harus maklum, beberapa buah kereta Proton Saga telah pun dibawa masuk ke negara-negara asing, tetapi penjualan ini tidaklah dibuat secara terus oleh Proton.

#### SENJATAPI HARAM YANG DIRAMPAS

21. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar bahawa banyak senjata api dibawa masuk ke negara ini secara haram dan digunakan

bagi tujuan merompak dan kegiatan subversif. Jika benar bolehkah Menteri yang berkenaan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah senjata api haram yang dirampas oleh Kerajaan dalam tahun 1984 dan 1985;
- (b) dari negara manakah mereka menyeludupkan senjata api secara haram;
- (c) adakah disebabkan kelemahan kawalan pasukan keselamatan negara ini menyebabkan berlakunya penyeludupan senjata api ke negara ini; dan
- (d) apakah langkah-langkah Kerajaan menghapuskan kegiatan menyeludup senjata api ke negara ini.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sedar bahawa kebanyakan rompakan yang berlaku di negara kita adalah dengan menggunakan senjata api yang dibawa masuk secara haram. Bagaimanapun adalah tidak benar bahawa senjata api haram itu digunakan untuk kegiatan subversif.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga.

- (a) Jumlah senjata api haram yang telah dirampas dalam tahun 1984 ialah sejumlah 108 pucuk. Bagi tahun 1985 pula dari bulan Januari hingga September, jumlah yang dirampas adalah sebanyak 97 pucuk.
- (b) Senjata api-senjata api tersebut dipercayai di seludup dari negara-negara jiran.
- (c) Keadaan ini berlaku disebabkan oleh keadaan fizikal dan kedudukan sempadan laut dan darat negara ini yang agak luas. Mereka yang menyeludup senjata api tersebut didapati

tidak menggunakan pintu-pintu masuk yang sah disempadan negara kita.

- (d) Langkah-langkah yang diambil bagi mencegah kegiatan ini diantaranya ialah membina pagar-pagar keselamatan di kawasan tertentu di sempadan darat negara ini, pembinaan tembok simen sebagai tambahan kepada pagar keselamatan dan juga menempatkan Unit Pencegah Penyeludupan, Unit Kawalan Kawasan dan Pasukan Polis Hutan di sepanjang sempadan Malaysia—Thailand. Di samping itu pemeriksaan mengejut juga dijalankan oleh anggota pasukan keselamatan di kawasan berhampiran sempadan ke atas mereka yang keluar masuk termasuk kenderaan-kenderaan mem-pertingkatkan rondaan Polis Merin di kawasan perairan negara kita, mengadakan sekatan-sekatan jalan raya di kawasan-kawasan tertentu berhampiran sempadan dan Kerajaan juga merancang untuk mengadakan peralatan mengesan di pintu-pintu masuk yang terdapat di sempadan negara kita.

#### TENAGA PEKERJA DARI LUAR NEGERI

22. **Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan keadaan semasa tentang masalah pekerja-pekerja yang datang secara rasmi secara haram daripada Negara Indonesia, Filipina dan Thailand.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kerajaan telah bersetuju mengambil tenaga buruh asing dari negara ASEAN, India dan Bangladesh dengan bertujuan untuk mengisi tenaga pekerja dalam sektor-sektor

pembinaan dan perladangan. Buruh asing hanya dibenarkan untuk dibawa masuk ke negara ini sekiranya tenaga mereka benar-benar diperlukan. Langkah ini merupakan langkah sementara dan buruh asing tersebut diambil bukanlah untuk merampaskan peluang pekerjaan serta tidak menggantikan kerja-kerja yang sedang diselenggarakan oleh warganegara pada masa ini.

#### PROTON SAGA—PINJAMAN BANK

23. **Tuan Mohd. Yusof bin Kassim** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk mengarahkan bank-bank supaya memberi pinjaman untuk kereta Proton Saga dengan kadar yang lebih murah.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Setakat ini Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk mengarahkan bank-bank perdagangan supaya memberi pinjaman untuk membeli kereta Proton Saga dengan kadar yang lebih murah. Kadar faedah ke atas pembelian kereta melalui sewa beli adalah tertakluk kepada Akta Sewa Beli 1967. Di bawah Akta ini kadar faedah maksimum yang boleh dikenakan ialah 10% setahun.

Mengenai pembelian kereta Proton Saga, pinjaman sewa beli disediakan oleh beberapa buah syarikat kewangan yang dilantik oleh Edaran Otomobil Nasional Sdn Bhd. Kadar faedah yang dikenakan oleh syarikat-syarikat kewangan ini ialah 10% dan tempoh pembayaran balik boleh dibuat sehingga 48 bulan.

#### PROTON SAGA-SABOTAJ

24. **Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada pihak-pihak tertentu yang telah memainkan

peranan mensabotajkan Proton Saga, jika sedar apakah pandangan Perdana Menteri terhadap peranan golongan tersebut.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Saya memohon menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Haji Suib bin Lazim pada 4 Disember 1985 bersama-sama dengan pertanyaan ini oleh kerana mempunyai kaitan dan maksud yang sama.

Setakat ini, tidak ada bukti yang sah bagi menentukan terdapatnya pihak-pihak tertentu yang telah memainkan peranan mensabotajkan kereta Proton Saga.

Walau demikian, sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberikan butir-butir yang sah mengenai pihak-pihak yang dimaksudkan itu, tindakan boleh diambil terhadap perbuatan khianat sedemikian. Pihak Edaran Otomobil Nasional Sdn Bhd (EON) yang bertanggungjawab mengedar kereta Proton Saga sentiasa mengikut laporan-laporan yang mungkin ada kaitan dengan perkara ini.

Pihak EON sedang mengesan semua kes kerosakan dan kemalangan yang dilaporkan kepada pihak EON yang berlaku di seluruh negara. EON juga membuat peperiksaan yang rapi untuk menentukan sama ada ianya adalah punca dari kerosakan teknikal ataupun ia dirancang oleh pihak-pihak yang hendak mensabotajkan kereta nasional kita.

#### RUMAH BAGI PENCARUM KWSP

25. **Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berhasrat membenarkan pencarum-pencarum yang memiliki tanah persendirian membuat pinjaman perumahan 10% sebagai wang pendahuluan untuk tujuan mendirikan rumah.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai dari tahun 1982, ahli-ahli KWSP yang ingin mendirikan rumah di atas tanah miliknya sendiri adalah dibenarkan mengeluarkan kreditnya dari KWSP bagi tujuan tersebut. Jumlah kredit yang boleh dikeluarkan oleh seseorang pencarum KWSP bagi tujuan ini ialah sebanyak 10% dari harga pembinaan rumah tersebut atau 45% dari kreditnya di KWSP mengikut mana yang kurang. Jumlah pengeluaran ini hendaklah tidak melebihi \$20,000.00. Permohonan-permohonan untuk membuat pengeluaran ini hendaklah dikemukakan kepada KWSP dalam borang-borang tertentu dengan menyertakan semua dokumen yang bersangkutan dengan pembinaan rumah tersebut.

#### LATIHAN KETENTERAAN

26. **Tuan Haji Mohamed bin Yahya** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah tindakan Kementerian ini memandangkan negara jiran sejak akhir-akhir ini sering mengadakan langkah-langkah menghadapi waktu perang, maka sudah sampailah masanya Kerajaan mengambil langkah supaya setiap kakitangan Kerajaan maupun orang awam diberikan latihan ketenteraan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Kerajaan sedia maklum akan langkah-langkah yang telah diambil oleh negara jiran dalam menghadapi waktu perang. Walau bagaimanapun Kementerian ini berpendapat belum sampai masanya kerajaan mengambil langkah supaya setiap kakitangan kerajaan maupun orang awam diberikan latihan ketenteraan.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Pasukan Keselamatan masih mampu mempertahankan negara. Sekiranya

kakitangan kerajaan dan orang awam yang berminat menjalani latihan-latihan ketenteraan, mereka bolehlah menyertai Pasukan-pasukan Sukarela seperti Pasukan Simpanan Tentera Darat, RELA dan lain-lain.

#### **KERETA PROTON SAGA— JUALAN**

**27. Tuan Haji Shuib bin Lazim** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah dan bilangan kereta Proton Saga yang telah dijual sehingga 30hb Noyember 1985 dan anggaran keluaran bagi tahun 1986.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Pertanyaan ini telah saya jawab bersama-sama pertanyaan Yang Berhormat Senator Hassan bin Nam sebentar tadi. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

#### **RAHSIA KERAJAAN DIPEROLEHI OLEH WARTAWAN**

**28. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanamaklumat-maklumatrahsia yang terkandung di dalam Kertas Kerja Jemaah Menteri (Kabinet) mengenai Dasar Luar Kerajaan telah dapat diperolehi oleh seorang wartawan asing baru-baru ini dan nyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya kejadian seperti ini tidak berlaku lagi.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Pihak Polis masih lagi menyiasat tentang bagaimana maklumat-maklumat Rahsia Kerajaan mengenai dasar luar telah diperolehi oleh wartawan tersebut.

Kerajaan telah menetapkan langkah-langkah tertentu sama ada dari segi perundangan dan pentadbiran untuk mengawal perkara-perkara rasmi termasuk maklumat-maklumat yang bercorak Rahsia.

Dalam bidang perundangan, Akta Rahsia Rasmi 1972 telah dipinda pada tahun 1984 untuk memberi liputan dan impek hukuman yang lebih berat bagi mencegah berlakunya kesalahan terhadap pengaliran maklumat rasmi yang boleh mengancam keselamatan negara. Malahan juga dalam bidang kuasa pentadbiran, kerajaan telah menerbitkan Buku Arahan Keselamatan berkuatkuasa pada 1 April 1985 untuk dipatuhi oleh semua Jabatan Kerajaan. Ketua-ketua Jabatan diarah mengambil tindakan tegas terhadap segala perbuatan pelanggaran keselamatan di Jabatan masing-masing mengikut peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Buku Panduan Keselamatan.

#### **KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA—PENYERAPAN**

**29. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar bahawa ada rancangan Kementerian berkenaan untuk menerapkan Jawatan Pegawai-pegawai Agama Tentera ke dalam Kor-tentera; jika benar nyatakan perbezaan dalam bidangkuasa dan tanggungjawab mereka setelah memasuki Kor-tentera itu nanti.

**Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Memang benar, Kementerian Pertahanan mempunyai rancangan untuk menyerapkan jawatan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Agama Awam Kementerian Pertahanan dalam Angkatan Tentera apabila Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) ditubuhkan. Buat masa ini penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera ini masih di dalam peringkat pengurusan dan belum lagi dilaksanakan dengan sepenuhnya. Dari segi tugas dan tanggungjawab, pegawai-pegawai Perkhidmatan Agama ini yang akan diserap ke Kor Agama Angkatan Tentera tidak berbeza.

nggungjawab mereka adalah sama, tu untuk melengkap pengetahuan ama anggota dan keluarga, memberi sihat serta mentadbirkan hal ehwal ama dalam Angkatan Tentera.

### **PROGRAM PEMBANGUNAN DI UTARA SEMENANJUNG**

**Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kawasan-kawasan bandar di sempadan Utara Semenanjung Malaysia yang dirancang untuk dimajukan; dan
- (b) apakah projek-projek yang dirancang dan nilai kewangannya.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:**

- (a) Kawasan-kawasan untuk pembangunan serta program-program pembangunan di kawasan di sempadan Utara Semenanjung hanya akan dikenalpasti selepas kajian yang mendalam selesai tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Kajian ini diperlukan oleh kerana Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan program pembangunan yang bersepadu, lebih menyeluruh dan lebih berkesan.
- (b) Berasaskan kepada apa yang dijelaskan itu, adalah terlalu awal untuk menyatakan projek-projek yang telah dirancang di kawasan-kawasan bandar sempadan pada ketika ini. Maklumat lanjut akan dapat diberi ketika Rancangan Malaysia Kelima dibentangkan di Dewan ini pada bulan Mac tahun 1986.

### **PENDATANG HARAM VIETNAM**

**31. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Dalam Negeri

menyatakan keadaan semasa tentang masalah pendatang haram daripada Vietnam.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Pada masa ini, Kerajaan masih memberi kemudahan singgah sementara kepada pendatang-pendatang haram Vietnam di atas dasar perikemanusiaan. Tindakan ini diambil berikutan dengan persetujuan Geneva dalam tahun 1979 dalam mana Kerajaan Malaysia bersama-sama dengan Kerajaan negara-negara lain di Asia Tenggara telah sanggup menjadi negara persinggihan pertama dan menerima pendatang-pendatang haram Vietnam sebagai Pelarian bagi membolehkan pihak Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Orang-orang Pelarian untuk memproses penempatan mereka di negara-negara ketiga.

Pendatang-pendatang haram Vietnam yang mendarat di negara ini adalah ditempatkan di Kem Penempatan Sementara di Pulau Bidong untuk memudahkan urusan pemilihan oleh Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Orang-orang Pelarian bersama-sama dengan negara-negara ketiga yang berkenaan. Pendatang-pendatang Haram Vietnam yang telah dipilih dan menunggu untuk dibawa ke negara-negara ketiga adalah ditempatkan di Kem Sementara Sungai Besi. Pada 2hb Disember 1985 seramai 3548 pendatang haram Vietnam berada di Kem Sungai Besi dan 5922 orang ditempatkan di Kem Sementara Pulau Bidong.

### **RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua

3.42ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon

mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan untuk menambahkan bilangan ahli-ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sarawak, dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk peruntukan untuk Suruhanjaya Pilihanraya membuat ulangkaji di bawah Pasal (2) Perkara 113 Perlembagaan untuk membahagi-bahagikan Negeri Sarawak kepada bahagian-bahagian pilihanraya Persekutuan dan Negeri, dan juga membuat peruntukan supaya Perkara 61 Perlembagaan terpakai kepada seseorang Setiausaha Parlimen dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan kali terakhir kepada bilangan kerusi Dewan Rakyat yang diperuntukkan di bawah Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan telah dibuat dalam tahun 1983 dan 1984. Pada tahun 1983 pindaan telah dikuatkuasakan menerusi Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 (Akta A 566). Setelah itu, berikutan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan suatu Rang Undang-undang meminda Perlembagaan telah diluluskan dan sekali lagi Perkara 46 telah dipinda dan seterusnya dikuatkuasakan pada 16 April 1984 menerusi Akta A 585, Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984.

Berikutan dengan kelulusan kedua-dua Akta Perlembagaan (Pindaan) yang telah saya nyatakan itu, maka kerusi-kerusi Dewan Rakyat mengikut pecahan-pecahan negeri, telah bertambah seperti berikut:

i. Johor	..	..	..	2
ii. Kedah	..	..	..	1
iii. Kelantan	..	..	..	1
iv. Melaka	..	..	..	1
v. Negeri Sembilan	..	..	..	1
vi. Pahang	..	..	..	2
vii. PulauPinang	..	..	..	2

viii. Perak	..	..	..	2
ix. Sabah	..	..	..	4
x. Selangor	..	..	..	3
xi. Terengganu	..	..	..	3
xii. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	..	..	..	2
xiii. Wilayah Persekutuan Labuan	..	..	..	1

Di samping penambahan kepada bilangan kerusi Dewan Rakyat, untuk tujuan ulangkaji dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya Negeri 1984 yang lalu, Kerajaan-kerajaan Negeri, kecuali Melaka dan Sabah, telah juga mengambil tindakan menerusi Dewan-dewan Perundangan Negeri, menambah bilangan kerusi Dewan-dewan Undangan Negeri melalui pindaan-pindaan kepada Perkara-perkara yang berkenaan dalam Perlembagaan Negeri-negeri, melainkan Melaka dan Sabah, maka kerusi-kerusi Negeri telah ditambah seperti berikut:

i. Johor	..	..	..	4
ii. Kedah	..	..	..	2
iii. Kelantan	..	..	..	3
iv. Negeri Sembilan	..	..	..	4
v. Pahang	..	..	..	1
vi. PulauPinang	..	..	..	6
vii. Perak	..	..	..	4
viii. Perlis	..	..	..	2
ix. Selangor	..	..	..	9
x. Terengganu	..	..	..	4

Semasa Akta A566 dibentangkan, ulangkaji bagi Negeri Sarawak telah tidak dimasukkan bersama. Ini kerana ulangkaji bagi Negeri Sarawak yang terakhir telah dijalankan pada 30 Disember 1977 dan pada ketika itu Perlembagaan tidak mengizinkan ulangkaji sebelum genap 8 tahun. Lat tempoh tidak kurang daripada 8 tahun yang dibenarkan oleh Perlembagaan hanya akan sampai menjelang bulan Disember 1985. Mengikut Perlembagaan, Parlimen berkuasa

menentukan bilangan kerusi Dewan Rakyat untuk tiap-tiap Negeri. Penentuan sempadan Bahagian-bahagian Pilihanraya akan dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya setelah pindaan mengenai bilangan kerusi diluluskan. Mengikut peruntukan di bawah Fasal (3A) Perkara 113 Perlembagaan, Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah menyiapkan ulangkajian itu dalam tempoh tidak lebih dari dua tahun dari tarikh mula berkuatkuasanya undang-undang yang membuat perubahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada pertambahan kerusi Dewan Rakyat dan kerusi Dewan-dewan Undangan Negeri yang telah diperuntukkan bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah semasa ulangkaji dan persempadanan semula pada tahun 1984, adalah wajar Negeri Sarawak mendapat tambahan bilangan kerusi bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Bagi Negeri Sarawak, bilangan bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri yang ada sekarang telah tidak berubah sejak pertama kalinya dipersempadankan dalam tahun 1968.

Pada masa ulangkaji dan persempadanan semula Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak yang terakhir iaitu tahun 1977, bilangan pemilih Negeri Sarawak ialah seramai 412,676 orang. Sejak itu, bilangan pemilih telah bertambah dari setahun ke setahun. Mengikut daftar pemilih yang disahkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya pada 2 Januari 1985, Negeri Sarawak mempunyai seramai 570,926 orang pemilih. Semasa gerakan pendaftaran pemilih 1985 dijalankan, sebanyak kira-kira 26,311 orang pemilih baru telah didaftarkan. Ini bermakna bahawa bagi tahun 1985 bilangan pemilih bagi Negeri Sarawak akan meningkat kira-kira 597,237 orang. Dengan penambahan ini

bermakna bilangan pemilih bagi Negeri Sarawak telah bertambah kira-kira 44.72% sejak tahun 1977.

Dengan terdapatnya pertambahan jumlah bilangan pemilih yang besar itu, maka perlu juga dipertimbangkan soal pertambahan kepada bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan juga Negeri supaya beban pertambahan pemilih itu dapat dibahagikan semula mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Sungguhpun bagi Negeri Sarawak jumlah pemilih telah bertambah sejak tahun 1977 sebanyak 44.72%, ini tidak bermakna bahawa jumlah bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen mahupun Negeri harus jua bertambah mengikut pertambahan jumlah pemilih itu. Jika ini dilakukan, maka akan terdapat terlampau ramai ahli Parlimen dan juga ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan keadaan ini akan membebankan kewangan negara dan juga negeri, tanpa membawa faedah-faedah yang nyata.

Dengan mengambilkira keadaan negara dan masyarakat serta kepentingan mewujudkan sistem perwakilan yang saksama dan berpatutan, adalah dicadangkan supaya peruntukan Perkara 46 dipinda untuk menambah bilangan kerusi di Dewan Rakyat dari 177 kepada 180 kerusi. Pertambahan sebanyak 3 kerusi ini adalah diperuntukkan bagi Negeri Sarawak menjadikan bilangan kerusi Dewan Rakyat bagi Negeri Sarawak dari 24 kepada 27 kerusi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di samping penaipbahan sebanyak 3 kerusi Parlimen bagi Negeri Sarawak, Kerajaan juga telah bersetuju supaya kerusi Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Sarawak ditambah sebanyak 8 lagi menjadikan jumlah bilangan 56 kerusi. Dewan Undangan Negeri Sarawak telah pun meluluskan pindaan kepada Perkara 14 (2) Perlembagaan



Negeri Sarawak mengenai penambahan kerusi ini pada bulan Mei, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pertambahan ini maka dijangkakan Bahagian-bahagian Pilihanraya Negeri Sarawak yang didapati sangat luas dan membawa kesulitan serta kesukaran kepada Wakil-wakil Rakyat untuk melawat dan mendekati rakyat, dapat dijadikan lebih kecil dengan bilangan pemilih yang berpatutan. Begitu juga Bahagian-bahagian Pilihanraya yang kecil tetapi mempunyai bilangan pemilih terlampau ramai boleh dikurangkan bilangan pemilihnya setelah dipersempadankan semula.

Dengan keterangan-keterangan yang saya berikan, saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tidak akan ragu-ragu bahkan akan memberikan sokongan sepenuhnya atas cadangan menambah 3 kerusi Dewan Rakyat bagi Negeri Sarawak menjadikan jumlah kerusi Dewan Rakyat bagi Negeri Sarawak sebanyak 27, untuk membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan ulangkaji dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya bagi Negeri Sarawak pada awal tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan pindaan kepada Perkara 61 Perlembagaan Persekutuan,. Sebagaimana termaklum, mengikut peruntukan sekarang, para Menteri dan Timbalan Menteri berhak mengambil bahagian dalam persidangan Dewan yang tidak menjadi ahli. Tetapi hak ini tidak dipanjangkan kepada para Setiausaha Parlimen. Oleh yang demikian, memandangkan kepada bertambahnya tugas-tugas Menteri dan Timbalan Menteri, maka adalah difikirkan wajar mereka itu dibantu oleh Setiausaha Parlimen, terutamanya dalam mengendalikan urusan Kerajaan di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan untuk menambah bilangan Ahli-ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sarawak dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, termasuk peruntukan untuk Suruhanjaya Pilihanraya membuat ulangkaji di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan untuk membahagi-bahagikan Negeri Sarawak kepada bahagian-bahagian pilihanraya Persekutuan dan Negeri, dan juga membuat peruntukan supaya Perkara 61 Perlembagaan terpakai kepada seseorang Setiausaha Parlimen, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk perbahasan.

*3.54 ptg.*

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan untuk menambah bilangan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan Negeri di Sarawak, dan juga Perkara 61 Perlembagaan iaitu untuk memberi peluang kepada Setiausaha-setiausaha Parlimen untuk menghadiri dalam Dewan Negara dan sebagainya bagi mengganti Menteri-menteri yang sibuk dalam kerja-kerja mereka masing-masing.

Saya menyokong pindaan Perlembagaan Persekutuan ini kerana dalam masalah tambahan kerusi di

Negeri Sarawak, saya rasa memanglah perlu kerana Negeri Sarawak ialah sebuah negeri yang begitu luas dan juga masalah-masalah kekurangan jalan ataupun kemudahan-kemudahan asas, maka sudah mestinya Negeri Sarawak perlu ditambah lagi, sekurang-kurangnya sepertimana yang dicatat dalam pindaan Undang-undang ini, iaitu 3 kawasan Parlimen. Ini boleh meringankan tugas Wakil-wakil Rakyat bagi menemui rakyat ataupun pengundi-pengundi mereka dan juga masalah tempat ataupun kawasan-kawasan yang begitu luas, maka sudah perlu-perkara ini patut diterima oleh Ahli Dewan Negara pada hari ini.

Yang keduanya, ialah mengenai dengan untuk memberi hak kepada seseorang Setiausaha Parlimen yang menjadi anggota satu Majlis Parlimen mengambil bahagian dalam proceeding Majlis yang satu lagi, iaitu Dewan Negara, bagi membantu Menteri dan Timbalan Menteri dalam menjalankan fungsi dan kewajipan mereka. Saya menyokong penuh pindaan ini kerana saya rasa Setiausaha-setiausaha Parlimen patut diberi peluang menemui, terutama sekali Ahli-ahli Dewan Negara kerana mereka ini sebahagian besarnya adalah bakal menjadi Timbalan Menteri dan juga Menteri, jadi molek benarlah kita memberi peluang kepada mereka untuk mereka belajar sedikit sebanyak menghadapi masalah-masalah dengan Ahli-ahli Dewan Negara khasnya, jadi apabila mereka menjadi Menteri nanti tidak menjadi masalah kepada mereka, tetapi adakalanya tidak mendatangkan kebaikan.

Misalnya, apabila Setiausaha Parlimen berhak menghadiri Dewan Negara ini maka pada ketika itu kita, Ahli-ahli Dewan Negara tidak lagi dapat melihat Menteri-menteri kerana Menteri telah ada pembantu-pembantunya, maka mereka mengambil peluanglah untuk tidak menghadiri persidangan Dewan

Negara ini. Maka dengan itu, saya berharaplah kepada Menteri-menteri, walaupun ada Timbalannya ataupun Setiausaha Parlimen, janganlah mengambil peluang untuk tidak menghadiri Dewan Negara ini. Saya rasa perkara ini telah berlaku sebentar tadi kerana ini mengharap ada Timbalan Menteri, maka Menteri keluar daripada Dewan ini, maka tidak ada Menteri untuk menjawabnya, nasib baiklah Yang Berhormat Menteri kita bangun untuk menjawab soalan daripada Ahli Dewan. Saya berharap oleh kerana ada lagi dua pembantunya, maka mungkin harapan Menteri itu akan mengatakan ada Timbalan ataupun Setiausaha Parlimen, maka dengan itu Menteri pun kita tak nampak dalam Dewan ini. Walaupun ada pindaan ini, kita berharaplah Menteri-menteri akan juga hadir dalam Dewan ini, mudah-mudahan kita dapat jawapan-jawapan dengan lebih tegas ataupun lebih jelas lagi daripada Menteri-menteri yang berkenaan.

Saya sekali lagi menyokong pindaan Perlembagaan jni kerana ini sungguh penting dan sampai masanya. Maka dengan ini, saya sekali lagi menyokong Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan ini dan saya mengucapkan terima kasih.

*4.00 ptg,*

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar;** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong pindaan Perlembagaan sepertimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi iaitu pindaan bagi membolehkan negeri Sarawak mempunyai pertambahan 3 kerusi Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pendapat saya, pindaan Perlembagaan ini memang kena pada tempatnya, setelah 25 tahun merdeka yang mana Sarawak tidak kurang daripada negeri yang

paling maju dan juga pesat membangun dan juga sebuah negeri yang pertama sekali di dalam Malaysia ataupun yang tertua yang mengeluarkan minyak di negara ini.

Juga keadaan negeri Sarawak, saya fikir Sarawak adalah satu-satunya negeri yang besarnya sama dengan seluruh negeri-negeri Semenanjung Malaysia yang mana satu negeri Sarawak, iaitu salah satu negeri yang terbesar. Jadi, dengan pertambahan kerusi bagi Dewan Rakyat untuk negeri Sarawak supaya wakil-wakil daripada negeri Sarawak ini juga akan dapat mewakili kerana Sarawak adalah seperti juga dengan negeri Sabah yang mana penduduk kaum bumiputera di negeri Sarawak ini yang mempunyai bersuku-suku kaum keturunan bumiputera tetapi mempunyai fahaman agama yang berlainan. Oleh yang demikian, bagi pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, mungkin Sarawak mempunyai antara 22 ataupun kurang daripada itu, suku-suku kaum bumiputera di negeri ini. Jadi, dengan adanya pertambahan 3 kerusi bagi Sarawak saya fikir ini pun kalau difikirkan tidak mencukupi memandangkan keadaan negeri Sarawak yang begitu luas sekali.

Juga keadaan perhubungan di negeri Sarawak sungguhlah sukar kalau kita bandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia kerana Sarawak adalah luas dengan sungai-sungai. Jadi, perhubungan di Sarawak adalah lebih banyak tertumpu kepada sungai-sungai dan juga bilangan luas tanah di Sarawak adalah tanah-tanah daripada tanah-tanah sungai yang ditumbuhi oleh pokok-pokok nipah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini supaya Suruhanjaya Pilihanraya dapat membuat ulangkaji dan membuat persempadanan semula supaya persempadanan semula ini juga dapat ditentukan wakil-wakil daripada

kaum-kaum yang tidak dapat perhatian daripada suku-suku kaum yang terdapat di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan negeri Sarawak ini luas dengan keadaan sungai-sungai yang panjang, jadi ini memanglah menjadi satu kesukaran kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk membuat persempadanan semula tetapi dengan kemampuan, dengan kerjasama daripada Kerajaan Negeri Sarawak juga, saya percaya ini sudah tentu tidak akan mendatangkan masalah.

Juga saya menyentuh tentang Dewan Undangan Negeri Sarawak yang mana kedudukan kawasan pilihanraya di Sarawak pada masa sekarang ini iaitu sebanyak 48 kawasan ditambah kepada 56. Ini juga saya fikir memang kena pada tempatnya. Perlembagaan ini dipinda kerana yang saya katakan tadi luasnya negeri Sarawak kalaulah hanya daripada 48, 8 kerusi ditambah kepada negeri Sarawak, ini juga akan dapat memberi peluang kepada seluruh rakyat di Sarawak supaya mereka dapat memilih wakil-wakil daripada suku-suku kaum yang tertentu dan dapat diwakili dengan sebaik-baiknya menurut kaum yang terdapat di negeri itu.

Kita tidak akan suka melihat negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak ini mempunyai perasaan perkauman bila sesuatu kaum bumiputera yang terdapat bilangan majoritinya sedikit, mereka ini cuba untuk menguasai sesuatu Kerajaan Negeri, Jadi, apa yang terdapat mungkin di negeri Sabah pada masa sekarang yang telah menimbulkan banyak krisis politik di Sabah sehinggakan ia menjadi perhatian dunia, sebuah negeri yang kaya-raya, yang aman damai, yang makmur tetapi hari ini dengan perasaan perkauman yang begitu mendalam sehingga menjejaskan keutuhan politik yang sudah wujud di negeri Sabah. Jadi, supaya ini tidak

akan wujud di negeri Sarawak walaupun di Sarawak terdapat krisis-krisis politik di antara pemimpin-pemimpin lama dan pemimpin-pemimpin baru-mungkin ini bukan hak saya bercakap mengenai negeri Sarawak, tetapi sebagai seorang rakyat Malaysia, itu adalah hak saya untuk melihat setiap negeri-negeri di Malaysia ini mempunyai kestabilan politik. Dan sebagai seorang Ahli Dewan Negara ini, saya fikir itu juga peluang kita untuk melihat sejauh mana perkembangan-perkembangan politik yang ada di tiap-tiap buah negeri di dalam Malaysia.

Pada ketika ini Sabah telah menjadi satu tumpuan politik dan sehingga menjadi sebagai satu fokus, sebagai satu pandangan, telah menjadi sebagai satu cerita dalam filem iaitu antara peguam dengan peguam iaitu "Quincy", ini filem peguam, siapakah yang lebih bijak sekarang untuk mengatasi Perlembagaan Sabah yang telah dipertikai, iaitu krisis Perlembagaan Negeri Sabah. Dan dahulu pernah berlaku krisis Perlembagaan Negeri Sarawak, jadi diharap dengan adanya pindaan Perlembagaan ini ianya akan dapat menyusun supaya polarisasi kaum dapat diwakili di setiap sebuah negeri itu menurut kaum-kaum yang tertentu yang terdapat di negeri-negeri seperti Sarawak ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir bagi Sarawak ini tidak banyak bezanya dengan negeri Sabah kerana mempunyai rakyat bilangan suku kaum bumiputera dengan pertuturan bahasa atau bahasa daerahnya masing-masing. Inilah yang amat penting supaya tiap-tiap suku-suku kaum-saya tidak mahu menyebutkan kaum-kaum apa yang terdapat di Sarawak tetapi yang lebih saya kenali kaum yang majoriti itu ialah orang Iban. Mungkin saya kenal sedikit sahaja, barangkali di antaranya orang Dayak, itu pun lebih

kurang orang Iban juga, tetapi kaum-kaum lain seperti Kenyah, Melanau dan sebagainya, mungkin itu. Jadi, ada lain-lain di antaranya orang Kelabit, Kayan dan sebagainya tetapi ada lain-lain daripada kaum-kaum bumiputera itu yang saya sendiri tidak mengetahui kerana saya bukan orang Sarawak, jadi saya tidak tahu dengan lebih mendalam suku-suku kaum keturunan bumiputera yang terdapat di negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan Perlembagaan bagi negeri Sarawak ini saya berulang kembali kepada pertambahan kerusi Dewan Rakyat ini, saya harap supaya perwakilan daripada Sarawak akan bertambah di peringkat Persekutuan yang mana kaum-kaum yang mungkin tidak diwakili pada masa-masa yang lampau akan dapat diwakili kawasan-kawasan mereka setelah perseni-padanan semula ini dapat dibuat nanti supaya kaum-kaum seperti Kelabit atau Kayan yang mereka ini kadang-kadang mempunyai satu-satu kawasan yang tertentu, mereka ini tidak bercampur dengan mana-mana kaum, jadi mungkin dengan keadaan seperti ini mereka ini akan dapat dipilih oleh kaum-kaum itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kepada Dewan Undangan Negeri Sarawak, saya fikir Dewan Undangan Negeri Sarawak ini adalah juga satu-satunya Dewan yang begitu tertua sekali kalau dibandingkan di antara negeri-negeri Borneo. Saya fikir waktu dalam zaman Raja Brooke lagi Sarawak telah pun mempunyai Dewan dan negeri yang pertama sekali di Borneo yang mengamalkan sistem pilihanraya walaupun dalam zaman penjajahan dahulu tetapi Sarawak mempunyai sistem pilihanraya Majlis Perbandaran dan juga Dewan Undangan Negeri mereka sebelum Sarawak masuk Malaysia sekalipun, mereka telah mengamalkan sistem pemilihan ahli-ahli ke Majlis Perbandaran dan juga kepada Dewan

Negeri Sarawak waktu itu. Ini tidak terdapat di Sabah kerana Sabah adalah dalam tanah jajahan yang memang bendera British tetap dikibar, tetapi Sarawak mempunyai bendera Sarawak sendiri, walaupun dia sebagai sebuah negeri koloni British.

Jadi, bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, kepada orang-orang Sarawak cara memilih wakil mereka ini, mereka adalah lebih tua dan lebih pandai dan demikian juga mereka mempunyai wakil-wakil di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat Negeri. Saya berharap pertambahan kedua-dua Dewan Rakyat ini dan Dewan Negara ini akan dapat menambahkan lagi kemajuan negeri Sarawak dari masa ke semasa dan akan dapat mengemukakan apakah pandangan-pandangan yang berguna daripada wakil-wakil dari negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan. Saya percaya di peringkat Persekutuan memang sangat menaruh perhatian berat kepada Sarawak kerana Bintulu adalah salah satu daripada, dengan izin, "rice bowl of Malaysia". Inilah satu-satunya pengeluaran gas asli yang terbanyak sekali di Malaysia yang mendatangkan hasil beribu-ribu juta ringgit. Dan inilah juga pusat industri usaha sama negara-negara ASEAN iaitu kita mempunyai kilang baja Urea ASEAN dan sebagainya; semuanya hasil daripada Bintulu, Sarawak. Jadi, dengan adanya kemajuan-kemajuan yang pesat di negeri Sarawak ini, saya fikir Sarawak patut diambil perhatian dalam apa jua segi.

Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan berpanjang lebar dan menyokong pindaan ini sepertimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan terima kasih.

4.04ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama membahaskan dan seterusnya menyokong suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan sebegitu rupa supaya perwakilan daripada negeri Sarawak untuk ke Dewan Rakyat dapat ditambahkan daripada angka 24 kepada angka 27 dan cadangan itu juga menambah perwakilan rakyat Sarawak ke Dewan Negeri Sarawak daripada 48 kepada 56. Dan seterusnya saya juga menyokong pindaan Perlembagaan yang membenarkan supaya seorang Setiausaha Parlimen dapat menyertai di kedua-dua Dewan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai Akta ini, salah satu daripada rasional dan hujjah yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri ialah pertambahan bilangan pengundi sebanyak lebih kurang 44.72% iaitu daripada tahun 1977 daripada angka 400,000 lebih kurang kepada lebih kurang 570,000 pengundi untuk tahun 1985.

Saya bersama-sama menyokong alasan tersebut sebagai salah satu daripada alasan untuk menambah perwakilan daripada negeri Sarawak untuk ke Parlimen Dewan Rakyat dan seterusnya untuk Dewan Negeri. Sambil itu pula, saya ingin menyebut beberapa perkara berkaitan dengan Akta ini, satu daripadanya saya percaya bahawa dengan adanya pertambahan perwakilan daripada Negeri Sarawak maka lebih tepatlah suara rakyat Sarawak itu dapat diwakilkan ke tahap yang paling tertinggi dari segi penggubalan dasar untuk negara ini dan juga untuk negeri tersebut. Dan saya percaya juga bahawa dengan adanya pertambahan perwakilan di kedua peringkat itu

maka lebih berkesan lagi suara rakyat dari segi pentadbiran negeri dan juga pentadbiran negara.

Seperti yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat yang sebentar tadi berucap bahawa jika sekiranya lebih banyak peluang untuk perwakilan daripada negeri Sarawak, besar kemungkinan bahawa kaum-kaum yang berbagai dan juga berbagai yang dari segi ugama akan dapat diwakili.

Saya ingin menambah di sini bahawa selain daripada menguatkan lagi suara rakyat dari segi perwakilan di peringkat pentadbiran negeri, saya percaya bahawa dengan adanya perwakilan daripada negeri Sarawak untuk Dewan Rakyat maka lebih kita mengharapkan lebih cepat pula usaha kita untuk meningkat dasar integrasi di antara negeri tersebut dalam konteks negara kita Malaysia pada keseluruhannya. Dengan adanya peluang untuk menambahkan perwakilan daripada negeri Sarawak, saya ingin juga menyentuh di sini bahawa peruntukan yang diberikan oleh Perlembagaan dari segi bilangan wakil tadi adalah suatu peruntukan dalam Perlembagaan.

Sungguhpun begitu, sejauh mana ianya benar-benar dapat memberi erti dari segi perwakilan adalah terpolung kepada mereka yang berkenaan sama ada dari segi peringkat parti politik itu sendiri ataupun dari peringkat individu untuk memastikan bahawa sebenar-benarnya suara rakyat itu dapat didengari dan diamati untuk menggubal dasar dan seterusnya untuk dilaksanakan oleh Kerajaan. Jika sekiranya kita mengambil negeri Sarawak sebagai salah satu daripada negeri-negeri yang di mana sebahagian besar dari segi alam sekitarnya atau dari segi taburan penduduknya adalah di kawasan luar bandar maka sewajarnya pada peringkat parti politik dan seterusnya pada peringkat peribadi yang mewakili mereka itu

dapat benar-benar menyuarakan rintihan ataupun masalah-masalah yang datangnya daripada kawasan-kawasan tersebut.

Pada masa sekarang ini kita dapati bahawa perwakilan daripada kawasan-kawasan luar bandar adalah pada tahap jumlah yang agak wajar, tetapi kita juga masih lagi mendengar rintihan daripada rakyat bahawa kita masih lagi tidak dapat membekalkan keperluan-keperluan asas seperti api, air, jalanraya, sekolah-sekolah yang lengkap, klinik-klinik yang baik dan elok walaupun suara rakyat melalui wakil-wakilnya adalah begitu ramai di peringkat Kerajaan Negeri, di peringkat Dewan Negeri ataupun di peringkat Dewan Rakyat. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, sempena dengan penggubalan pindaan Perlembagaan Persekutuan ini, saya ingin menambah sarahan sampingan bahawa peruntukan Perlembagaan tidak memadai. Ia hendaklah sebenar-benarnya disokong penuh oleh rakyat dan seterusnya parti politik yang giat dan aktif di dalam sistem politik di negara kita ini seperti di peruntukan oleh Perlembagaan kita.

Satu lagi perkara yang saya cuba hendak sampaikan di dalam kesempatan yang diberikan ini ialah datam usaha kita membuat pindaan dari masa ke semasa dari segi kawasan pilihanraya, kita dapati bahawa maruah ataupun "integrity", dengan izin, sistem politik di negara kita ini hendaklah sentiasa dipelihara. Maksud saya kita hendaklah pasti bahawa sistem yang ada untuk menentukan kawasan pilihanraya hendaklah sebegitu rupa supaya ianya tidak dipersoalkan sebegitu rupa sehingga memberi banyak interpretasi terhadap sistem politik di negara kita ini dari segi perwakilannya.

Kalau kita bercakap mengenai soal negeri Sarawak dari segi perwakilan yang sewajarnya datangnya daripada

berbagai kaum dan berbagai agama, maka hujah yang sama juga seharusnya sentiasa dihormati untuk negara kita pada keseluruhannya.

Kita tahu bahawa di negara-negara lain seperti di Australia, kita dapati bahawa walaupun penghuninya tidak ramai di kawasan luar bandar tetapi jumlah kawasan pilihanraya di luar bandar di Australia adalah pada jumlah yang sewajarnya supaya ianya dapat memastikan suara daripada masyarakat luar bandar dapat didengar di peringkat Dewan yang paling tertinggi di negara tersebut.

Ini untuk memastikan bahawa adanya keadilan dari segi perwakilan untuk semua pihak, untuk semua kepentingan di negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti di negara kita ini. Oleh yang demikian itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan di sini kita sedia maklum bahawa sejak tahun 1957, banyak perubahan berlaku tentang peranan yang dimainkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya di negara kita ini daripada semasa ke semasa.

Kita maklum juga bahawa ada satu kriteria ataupun sistem "weightage" yang telah digunakan untuk memastikan bahawa adanya keadilan untuk pihak-pihak ataupun kumpulan-kumpulan tertentu ataupun kawasan-kawasan tertentu di negara kita ini.

Walaupun kita banyak menghadapi perubahan daripada masa ke semasa daripada tahun 1957, 1962, 1977 dan sebagainya, saya ingin menyarankan di sini untuk masa-masa yang seterusnya, kita sewajarnya membuat perubahan-perubahan mengikut kehendak masa dan struktur masyarakat ataupun ekonomi di negara kita ini. Tetapi kita mestilah sentiasa memastikan bahawa sistem politik kita ini, maruahnya, integritinya, sentiasa terpelihara supaya memastikan bahawa sistem demokrasi, sistem perwakilan

daripada rakyat melalui Dewan Rakyat dan sebab itu Kerajaan kepada Kerajaan akan sentiasa terpelihara untuk negara kita ini.

Dan seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan tentang perkara yang terakhir iaitu kita mempunyai pengalaman yang banyak dari segi melaksanakan usaha-usaha pilihanraya di negara kita ini. Sama ada di peringkat yang paling awal sehinggalah kepada terlaksananya pilihanraya yang lampau. Oleh yang demikian, tanggungjawab yang dibebankan kepada Suruhanjaya Pilihanraya di negara kita ini adalah terlalu berat.

Sambil itu pula kita mengharapkan bahawa Suruhanjaya ini akan terus bergiat untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut sebegitu rupa supaya kita tidak menghadapi masalah-masalah seperti yang lalu. Misalnya, pada tahun 1974 di mana kita mempunyai satu pilihanraya di mana telah dipersoalkan tentang pendaftaran pengundi-pengundi yang ada terkeluar dan sebagainya.

Jadi saya percaya dalam usaha menentukan semula tentang kawasan-kawasan pilihanraya untuk negeri Sarawak, khususnya di negeri-negeri lain amnya, saya percaya bahawa Suruhanjaya Pilihanraya akan berupaya dan mempunyai wibawa untuk menjalankan kerja-kerja dengan sebaik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pindaan Perlembagaan sebegitu rupa supaya Setiausaha Parlimen dapat bersama-sama menyertai dalam dua Dewan ini, saya menyokong sepenuhnya. Sekurang-kurangnya dengan adanya penyertaan daripada Setiausaha-setiausaha Parlimen di Dewan Negara ini, maka lebih meriahlah lagi suasana di Dewan Negara ini.

Jadi berdasarkan kepada hujah-hujah itu, Tuan yang di-Pertua, saya menyokong Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

4.25 ptg.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta mengambil bahagian membahaskan suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan untuk menambahkan bilangan ahli-ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sarawak, dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk peruntukan untuk Suruhanjaya Pilihanraya membuat ulangkajian di bawah Pasal (2) Perkara 113 Perlembagaan untuk membahagi-bahagikan Negeri Sarawak kepada Bahagian-bahagian pilihanraya persekutuan dan Negeri dan juga membuat peruntukan supaya Perkara 61 Perlembagaan terpaksa kepada seseorang Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan syabas serta berterima kasih kepada Kerajaan dan Suruhanjaya Pilihanraya yang selama ini telah memperlihatkan kecekapannya di dalam mengubahsuai, melaksanakan kehendak-kehendak negara dan kehendak rakyat daripada semasa ke semasa sejak daripada kita mengadakan pilihanraya memilih 52 orang Ahli Dewan Undangan Federal, sehingga sekarang ini apabila kita luluskan Rang Undang-undang ini Ahli Parlimen, Dewan Rakyat kita akan mencapai angka 180 orang.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan negara kita daripada setahun ke setahun setelah kita mencapai kemerdekaan hampir 30 tahun, jumlah rakyat kita makin banyak, maka telah sampai masanya dan wajarlah sekarang ini untuk rakyat negeri Sarawak diberi

tambahan tiga lagi wakilnya duduk di dalam Dewan Rakyat untuk menyampaikan hasrat dan cita-cita rakyat di dalam menuju kepada kebahagiaan hidup untuk mencapai matlamat dan maksud tujuan mencapai kemerdekaan Sarawak masuk di dalam Malaysia pada awalnya dahulu.

Memandangkan kepada keadaan negeri Sarawak yang begitu besar, saya biasa ke Sarawak beberapa kali sama ada di musim pilihanraya ataupun di luar musim pilihanraya, satu-satu kawasan pilihanraya di negeri Sarawak adalah luas. Ada yang lebih besar daripada keluasan negeri Perlis sendiri.

Satu saya contohkan kawasan Parlimen 175P, Kawasan Lambir, yang saya tahu salah satu daripada kawasan Dewan Negeri di kawasan Parlimen Lambir itu sendiri selain daripada mempunyai kampung-kampung tradisional orang-orang keturunan Melayu di kawasan pesisir, di kawasan Lambir itu sendiri mempunyai lebih 60 buah rumah panjang. Itu keadaan 10 tahun yang lalu, saya percaya sekarang ini pertumbuhan, rumah-rumah panjang yang baru makin banyak dan setiap rumah panjang itu mempunyai 20-30 pintu. Bererti mereka yang menjadi penghuni di rumah panjang di Hulu Niah itu juga memerlukan khidmat wakil rakyat yang berkesan. Jadi dengan adanya pecahan kawasan Pilihanraya yang baru ini memberi tambahan 3 kerusi kepada kerusi Dewan Rakyat daripada Sarawak, saya percaya selain daripada kawasan Lambir itu juga kawasan-kawasan yang lain terlibat dengan pengubahsuaian kawasan-kawasan baru itu. Maka akan dapatlah Wakil-wakil Rakyat atau Ahli Dewan Rakyat yang dipilih oleh rakyat dapat melaksanakan tugas-tugasnya untuk menemui pengundi-pengundi untuk



bertanyakan masalah-masalah yang mereka hadapi daripada semasa ke semasa.

Daripada keadaan ilmu alam negeri Sarawak yang begitu luas, kalau mengikut keadaan yang ada sekarang ini tidak sepatutnya hanya tiga sahaja kerusi tambahan baru memandangkan kepada keluasannya, tetapi oleh kerana memandangkan jumlah pengundi pukul rata sekarang ini mengikut bancian yang dapat saya baca sekali lalu adalah memadai dengan tambahan tiga kerusi yang baru bagi Ahli Dewan Rakyat daripada negeri Sarawak untuk dalam masa pilihanraya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat perlu menemui pengundi-pengundi daripada satu masa kesatu masa. Jadi dengan kawasan yang begitu luas Wakil-wakil Rakyat terpaksa menggunakan belanja yang banyak. Jika di Semenanjung kita menggunakan kenderaan di darat seperti kereta dan sebagainya tetapi sebahagian besar daripada suasana negeri Sarawak itu tidak mengizinkan kereta digunakan untuk perkhidmatan Wakil Rakyat.

Mereka terpaksa menggunakan boat atau speedboat yang menggunakan belanja yang lebih besar daripada belanja kenderaan di darat. Dan kadang-kadang menggunakan kenderaan di air ini banyak kali melibatkan kemalangan-kemalangan yang tidak diingini seperti terlanggar kepada kayu-kayu balak yang hanyut di beberapa batang sungai yang besar-besar dan panjang-panjang di Sarawak. Jadi, saya percaya kajian-kajian telah dibuat sekian lama antara 8 hingga 10 tahun oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya dan saya Berterima kasih jika sekiranya ini menjadi pandangan utama selain daripada hendak menambahkan jumlah keanggotaan anggota Dewan

Rakyat itu sahaja tetapi ini adalah pandangan-pandangan yang memang sepatutnya diambil berat. Pandangan-pandangan yang sepatutnya diambil berat kerana ini menunjukkan kepada kita bahawa rakyat di kawasan-kawasan itu masih memerlukan kepada pembangunan yang amat banyak, pembangunan kemudahan-kemudahan asas yang amat banyak. Jadi kemudahan asas yang banyak untuk rakyat ini adalah memerlukan saluran yang sebenar-benarnya tepat iaitu melalui Wakil-wakil Rakyat yang dipilih di dalam setiap kali diadakan pilihanraya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dengan adanya cara ini, dengan adanya pertambahan ini maka rakyat akan dapat meluahkan rasa hatinya, keperluannya, sekolah, jalan, bekalan air dan bekalan api, pembangunan perumahan, pembukaan tanah dan sebagainya. Sehingga sekarang ini kalau kita berjalan daripada Kuching sampai ke Merapoh sempadan Sabah bolehlah menggunakan kenderaan. Namun demikian selain daripada kiri kanan jalan besar yang dibuat daripada Kuching ke Merapoh itu masih banyak lagi kawasan-kawasan perkampungan di dalam-dalam, di rumah-rumah panjang di sempadan di antara Kalimantan Utara dengan Kalimantan Selatan sebelah Indonesia itu masih memerlukan banyak perubahan-perubahan untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Jadi, dengan adanya penambahan kawasan ini, pengubahsuaian ini muga-muga hasrat Kerajaan Barisan Nasional yang berjiwa rakyat supaya dapat melaksanakan kehendak-kehendak rakyat ini dari satu masa ke satu masa kerana kita tidak mahu dalam tempoh 10 atau 20 tahun yang akan datang, pengundi-pengundi muda khususnya pengundi-pengundi baru akan menempelak kepada

pemimpin-pemimpin, akan menempelak kepada Kerajaan, akan menempelak kepada parti, mengapa setelah 40 tahun merdeka, kami belum merasa walaupun secebis pun nikmat pembangunan. Kita tidak mahu dengar ini pada tahun 2000 nanti. Kerana pada tahun 2000 nanti, Tuan Yang di-Pertua, pengundi-pengundi kita yang pernah mengundi pada tahun 1955 sudah tidak ada lagi. Pengundi-pengundi yang mengundi pada pilihanraya pada tahun 1959 sudah tidak ada lagi. Dan pengundi-pengundi yang mengundi pada 10hb Mei 1969 akibat berlakunya Trajidi 13hb Mei juga banyak yang sudah tidak ada lagi.

Jadi, dengan adanya keadaan dan suasana ini dapatlah kita memperhebatkan lagi perasaan satu negara, satu Kerajaan, satu bangsa Malaysia untuk dapat sama-sama menikmati hasrat dan cita-cita pemimpin-pemimpin yang mahu membawa kebahagiaan kepada rakyat di mana sahaja daripada Sandakan sampai ke Padang.Besar, dari Pantai Timur ke Pantai Barat sama ada di kampung atau digunung, sama ada di Sungai ataupun didaratan biasa.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap mengenai dengan Rang Undang-undang ini yang sebenarnya Rang Undang-undang ini adalah mudah sangat untuk minta tambahan kita boleh luluskan. Untuk membolehkan Setiausaha Parlimen menjawab dalam Dewan Negara ini pun kita boleh luluskan. Tetapi ekoran atau tambahan daripada tambahan tiga kerusi, ekoran atau tambahan daripada membolehkan Setiausaha-setiausaha Parlimen hadir menjawab di dalam Dewan ini juga mengandungi berbagai-bagai hal dan perkara.

Jadi, izinkan, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap di dalam beberapa perkara yang saya rasa dan saya fikir di Dewan inilah tempat yang sebaik-baiknya saya menyampaikannya

supaya dapat sama-sama dilaksanakan dikemudian hari nanti mana-mana yang difikirkan munasabah, mana-mana yang difikirkan baik. Tetapi percayalah bahawa saya akan bercakap di dalam Dewan ini perkara yang saya fikirkan baik untuk kepentingan orangramai, untuk kepentingan rakyat kita, untuk kepentingan generasi yang akan datang supaya kita akan dapat meneruskan khidmat kepada masyarakat, kepada bangsa, kepada negara dengan tidak menghadapi ganggu gugat, gangguan-gangguan daripada anasir-anasir subversif, golongan anti nasional, mereka yang taksup, mereka yang fanatik sehingga boleh menimbulkan kepada pertumpahan darah seperti yang berlaku di Kampung Memali baru beberapa minggu yang lalu. Ini ada ekorannya daripada Akta yang sedang kita bahaskan sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai dengan pilihanraya, mengenai dengan Suruhanjaya Pilihanraya, saya sedar sepertimana kata seorang sahabat saya tadi bahawa tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya sebagai satu badan bebas adalah amat berat. Amat berat dan besar untuk melaksanakan satu-satu pilihanraya. Amat besar dan berat untuk menjayakan satu-satu pilihanraya umum khususnya sehingga tidak berlaku sebarang kejadian yang buruk, sebarang kejadian yang tidak sepatutnya berlaku. Tetapi, izinkan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap di dalam beberapa hal mengenai Suruhanjaya Pilihanraya. Ini dalam perkara-perkara yang kecil, dalam perkara yang dihadapi oleh para pengundi di kampung-kampung di luar bandar.

Misalnya, adakah Suruhanjaya Pilihanraya sedar bahawa ada pusat-pusat mengundi di luar bandar yang digunakan sejak tahun 1955 sehingga sekarang ini sedangkan di kampung itu

telah ada bangunan sekolah yang baru, telah ada dewan yang baru, tetapi Suruhanjaya apabila membuat perisytiharan satu-satu kawasan pilihanraya bahawa peti undi ini masih bertempat di bilik bacaan sedangkan bilik bacaan itu sudah tidak ada. Ini saya tunjukkan misalnya di satu tempat di kawasan Batu Laut, tempat mengundi di bilik bacaan Jalan Cempaka, Kacung Darat, sedangkan bilik bacaan itu sudah tidak ada, sudah roboh. Bilik bacaan itu dibuat masa kita buat kelas membasmi buta huruf, sebelum lagi KEMAS. Pada masa itu menghadapi pilihanraya hanya ada usaha gotong-royong membuat satu bilik daripada papan dan daripada atap zink, kemudian bangunan itu tidak ada. Jadi terpaksa apabila sampai masa pilihanraya kerana tempat itu menggunakan nama bilik bacaan tadi terpaksa ditegakkan satu khemah, canvas. Suasannya panas, sebab khemah askar digunakan. Ini sepatutnya diubah kepada bilik bacaan atau TADIKA yang ada berhampiran di situ atau di kawasan sana ada sebuah surau yang dibuat dua tingkat bermakna disebelah bawah itu boleh digunakan untuk tempat membuang undi.

Kemudian selain daripada itu juga ada beberapa tempat yang masih menggunakan tempat-tempat lama yang sudah tidak sepatutnya digunakan sebagai tempat membuang undi. Nama. Nama-nama di dalam buku daftar pengundi. Juga buku daftar undi ini berdasarkan kepada pendaftaran pilihanraya pada tahun-tahun 1950an. Saya percaya pada tahun 1955 asasnya digunakan di situ. Tetapi dia tidak ubah lagi sehingga sekarang. Misalnya yang digunakan "Jalan Besar Banting", kemudian "belakang masjid". Di bawah itu di belakang masjid tahun 1955 ada rumah tok siak, rumah tukang gali kubur, ada enam pengundi. Tetapi sekarang di situ sudah tidak ada lagi

pengundi. Di dalam buku daftar undi ini masih ada lagi pengundi di belakang masjid.

Jadi sebagai orang parti, saya pun mencari mana-mana pengundi belakang masjid, belakang masjid ini tanah wakaf. Ini menjadi bercelaru kepada kita. Sepatutnya dibetulkan, di belakang masjid itu tidak pakai, di situ sudah ada satu projek perumahan Taman Emas. Disebelahnya pula ada Taman Morib. Disebelahnya ada projek rumah pasang siap, disebelahnya ada lagi Taman Setia Jaya. jadi perubahan-perubahan baru yang seperti ini sepatutnya dapat diikuti.

Saya tidak menyalahkan Suruhanjaya Pilihanraya di peringkat Pusat dan saya juga tidak menyalahkan Suruhanjaya Pilihanraya di peringkat Negeri. Saya percaya ini kelemahan orang-orang yang dilantik, ditauliahkan oleh Suruhanjaya sewaktu menjalankan pendaftaran-pendaftaran. Jadi maknanya ada satu jawatan dalam Suruhanjaya Pilihanraya ini, apabila berlaku pendaftaran A.R.O. (Penolong Pendaftar), dia ini tidak melaporkan bahawa di belakang masjid itu sudah tidak ada orang, dia pun tulis jugalah carilah 4-5 undi, masih dimasukkan juga di kawasan belakang masjid. Ini saya contohkan di tempat saya, yang saya nampak, kemudian apabila saya pergi ke tempat-tempat lain, apabila saya turut serta di dalam pilihanraya-pilihanraya kecil juga kadang-kadang timbul bercelaru masalah yang semacam ini. Orang yang ingin hendak mengundi tadi lari ke pondok sana, namanya tidak ada, nombor kad pengenalnya tidak ada disitu, pergi ke pondok sana namanya pun tidak ada, kesudahannya sampai pukul 12.30 tengahari perut pun lapar, dia kata hendak mengundi macam ini punya susah, balik tidur lagi bagus. Ini juga satu masalah, masalah yang dihadapi oleh orang ramai terutama

oleh mereka yang ingin mengundi, mengambil bahagian di dalam satu-satu pilihanraya sebagai pengundi. Tetapi oleh kerana adanya masalah-niasalah yang semacam ini menimbulkan kepada orang ramai keluh-kesah. Kemudian satu-satu Buku Daftar Undi yang dikhususkan, yang dikhaskan kepada satu-satu kawasan peti undi juga perlu kepada keadaan ilmu alam sekarang ini. Misalannya pada tahun 1955 buku itu dijadikan bandar utara, bandar selatan Kelanang Barat, Kelanang Timur, Jugra Utara, Jugra Selatan, Jugra Barat, Jugra Timur sedangkan Jugra Barat itu ialah Kampung Permatang Pasir dan Kampung Permatang Pasir itu hanya mempunyai 108 buah rumah. Ini saya cerita juga di Kuala Langat.

Apabila hampir-hampir hendak pilihanraya ini kita pun masuklah ke kampung hendak menyusun jentera pilihanraya di kampung-kampung dan timbullah mana dia Jugra Barat, mana dia Jugra Timur, sedangkan kampung itu hanya 108 buah rumah, kemudian kampung yang termasuk ke satu kawasan kampung lain ada JKK lain, Ketua Kampung lain. Dalam satu buku yang bernama Jugra Barat orang Codoi pun ada di situ, orang Sungai Raba pun ada di situ, di sana ada Sungai Raba sedangkan orang Sungai Raba itu sepatutnya penduduknya di Jugra Timur. Jadi ini sepatutnya dibetulkan supaya apabila menjelang pilihanraya senang, peti undi kawasan Permatang Pasir dia di situ ada 1,027 undi, ini saya ingat betul kawasan tempat saya duduk 1,027 terbahagi kepada dua buku, apabila terbahagi kepada dua buku, maka nama-nama yang lama Sungai Duriannya, Codainya, Katognya. Ini menimbulkan kegelisahan, kesusahan kepada orarig-orang yang akan memainkan peranan di dalam pilihanraya terutama daripada orang-orang parti yang hendak menyokong Kerajaan, kadang-kadang keluh-kesah

macamana ini tidak diubah-ubah. Jadi sepatutnya perkara-perkara kecil yang semacam ini saya sudah 2-3 kali, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap di dalam Dewan ini mengenai perkara ini.

Misalnya di kawasan Parlimen Sepang ada satu kampung, besar kampungnya lebih daripada 300 buah rumah, Kampung Kundang di dalam kawasan Dewan Negeri Batu Laut, 300 buah rumah ada sebuah sekolah agama yang besar, ada dewan yang cantik, tetapi di situ tidak ada tempat membuang undi, dia terpaksa membuang undinya pergi kepada buku Tanjong Sepat Penempatan, Tanjong Sepat New Village atau Kampung Baru Tanjong Sepat, berapa jauh terpaksa orang Kampung Kundang tadi pergi ke Kampung Baru Tanjong Sepat dan sebahagian pergi ke Kampung Batu Laut Pantai. Sepatutnya kalau mengikut daripada jumlah satu-satu peti undi mengikut cerita yang saya pernah bertanya kepada Pegawai di daerah sana dia kata kalau ada 700-800 undi bolehlah diwujudkan satu kawasan peti undi.

Saya menyarankan supaya sepatutnya di Kampung Kundang itu boleh diwujudkan satu peti undi, kerana saya yakin kalau dikumpul pengundi untuk kawasan itu sahaja akan mencukupi jumlah yang dikehendaki, mungkin akan lebih daripada 1,000 undi. Jadi boleh diwujudkan satu peti undi di situ dan juga di tempat-tempat lain berlaku seperti keadaan yang semacam ini. Yang saya hairan seperti di Tanjong Sepat sehingga ada 7 peti undi, di Tanjong Sepat daripada Penempatan Satu, Penempatan Dua, Penempatan Tiga, Tanjong Sepat Pantai Laut begitu, begini. Jadi orang Kampung Tanjong Sepat pun mengundi ke Tanjong Sepat sedangkan di Kampong Tanjong Sepat Darat itu ada sebuah Sekolah Kebangsaan, sekolah agama ada, balairaya pun ada. Jadi kalau

Kampung Tanjong Sepat itu sahaja dicampur dengan Kampung Tembok sudah boleh mencakup lebih daripada 1,000 pengundi dan boleh mewujudkan satu peti undi di situ. Ini untuk menyenangkan petugas-petugas dalam pilihanraya untuk mengangkut pengundi-pengundi tidak pergi jauh.

Kita sekarang dalam Kempen Jimat-Cermat, jadi apabila kita bawa pengundi jauh, kita memerlukan kenderaan yang banyak, masa yang panjang. Kalau mereka mengundi di kampung mereka sendiri tentulah tidak membuang masa yang banyak dan tidak membuang belanja yang banyak.

Satu perkara lagi mengenai dengan pengundian ini juga saya ingin menyarankan supaya jumlah pengundi bagi satu-satu peti undi itu dikaji semula. Kalaulah sekarang ini satu peti undi yang pengundinya ada 1,200 orang kita bukakan undian itu selama 8 jam. Ini yang kadang-kadang berlaku sesak orang hendak pergi mengundi sehingga ada orang tua-tua yang terpaksa berjemur sampai setengah ke satu jam kerana apabila banyak pengundi yang datang dia bersusun macam hendak beli tiket wayang. Jadi kalau boleh supaya setiap satu peti ini dipecahkan antara 500-800, apabila 500-800 satu aliran. Ini menyenangkan kepada orang ramai, menyenangkan kepada pengundi-pengundi yang tua.

Saya tahu ada pengundi yang uzur, yang boleh diusung, boleh diangkat, tetapi ini jarang-jarang sangat, jadi pengundi yang boleh berjalan, tetapi dia sudah tua, kadang-kadang apabila kita kena berjemur sampai satu jam di halaman sekolah hendak masuk ke pintu sekolah, hendak mengundi tadi balik dia pun merungut, hendak beri menang Barisan Nasional ini satu jam aku kena jemur tadi. Cerita-cerita yang semacam ini nanti anak cucunya yang kebetulan menentang Barisan

Nasional, tidak payahlah hak pergi mengundi, kena jemur buat apa, kalau pitam siapa hendak yang hendak pergi hantar ke hospital. Jadi apabila orang tua ini tidak mengundi, dengan hasutan anak cucunya menentang Barisan Nasional undi kitapun kurang, sedangkan orang tua tadi 100% jiwanya, semangatnya menyokong Kerajaan, menyokong Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara ini saya sebutkan bukan sahaja berlaku di tempat saya duduk di daerah Kuala Langat, tetapi berlaku juga di tempat-tempat lain, sebab apabila saya pergi dalam pilihanraya di Kedah, di Kelantan juga berlaku keadaan-keadaan yang semacam itu. Sepatutnya semakin kita menghadapi kepada cara-cara zaman lebih maju, berkomputer ini supaya dapat lebih cepat, lebih baik, lebih berkesan.

Kemudian baru-baru ini diadakan penyemakan daftar undi dan apabila diadakan penyemakan daftar undi dan baru-baru ini juga senarai baru yang kasar telah keluar, tetapi apa yang saya dukacita tidak tahu sama ada komputer yang salah atau yang menjaga komputer itu tidak faham kerana banyak nama-nama pengundi yang orangnya masih hidup namanya terkeluar daripada Buku Daftar Undi. Ini sama ada boleh dibetulkan sebab kalau pilihanraya kita berlaku dalam masa yang singkat, saya takut ini tidak sempat hendak dibetulkan. Jadi kalau satu-satu Buku Daftar itu setiap satu pusat mengundi keluar 100-120, kalau ada 30 peti undi kita sudah berapa ribu undi yang kita lari.

Ini juga sepatutnya disemak dan menjadi kajian kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya. Saya faham Suruhanjaya Pilihanraya menghadapi tugas yang amat berat dan selama ini kejayaan-kejayaan yang ditunjukkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini

adalah amat memberi kesan yang baik dan kita berharap supaya akan lebih baik lagi;

Mengenai dengan Suruhanjaya Pilihanraya ini, Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya saya ingin menyebutkan mengenai dengan borang penamaan calon dalam satu-satu pilihanraya. Kalau boleh borang penamaan calon dibuat yang paling mudah dan yang paling senang-nama calon, nombor kad pengenalan, alamat tempat dia duduk, ada pencadang, ada penyokong, 3 orang saksi, tandatangan-sudah. Tidak payah ada kod itu, kod ini, apabila ada kod itu kod ini, ini banyak orang yang pandai pun borang dia kena tolak. Masalahnya borang kena tolak antara satu kawasan dengan satu kawasan berlainan pula.

Ada satu kawasan kesalahan yang semacam itu boleh ditolak, ada satu kawasan yang lain pencalonan yang semacam itu boleh diterima dan berlakulah, misalnya, satu orang itu namanya ada di dalam dua borang, satu orang yang menyokong seseorang calon itu, katalah si "A" menyokong si Ahmad di dalam borang pencalonan Bebas, nama si "A" itu juga menyokong Hassan di dalam borang pencalonan PAS. Jadi pada saya, ini sepatutnya tidak bolehlah satu orang dua nama dalam dua borang, namanya berada dalam dua borang. Tetapi bagi pihak pegawai Pilihanraya sini kata tidak apa, kerana lebih daripada empat, katanya. Ini juga menimbulkan suasana yang kurang baik apabila sampai di luar dewan tempat penamaan calon tadi. Ini berlaku dalam pilihanraya tahun 1982 keadaan yang seperti itu. Apa yang saya harapkan supaya borang penamaan calon itu dibuat dengan cara yang paling mudah sekali, itu terserahlah kepada Suruhanjaya Pilihanraya bagaimana cara tekniknya.

Juga Borang "E", format yang digunakan. Oleh pekerja-pekerja dalam pilihanraya ini. Bahasa Melayunya itu sepatutnya dibetulkan, gunakanlah bahasa yang paling senang, calon "A" wakil calonnya "B" membenarkan "C" sebagai pekerja saya yang nombor kad pengenalannya sekian, beralamat sekian, ditandatangani oleh wakil calon—selesai, tidak ada apa-apa. Kadang-kadang hendak nienaip. Borang "E" itu pun kelam-kabut juga, terpaksa diadakan kursus-kursus kesedaran, kursus itu, kursus ini, mengisi Borang "E" pun tidak betul. Jadi sepatutnya kita telah 30 tahun merdeka, sudah 8 kali pilihahraya, perkara yang semacam itu boleh dibetulkan daripada satu masa ke satu masa. Borang "E" ini juga ada setengah-setengah tempat boleh digelek begitu sahaja, ada setengah-setengah tempat memerlukan Borang "E" yang dicetak oleh Jabatan Percetakan Negara. Jadi sepatutnya kalau dibolehkan supaya setiap calon boleh mencetak Borang "E" ini mengikut suka dia, dia punya pekerja 2,000, dia boleh cetak 8,000 keping sebab satu orang pekerja itu memerlukan 4 keping Borang "E", jadi dia boleh cetak 8,000 dengan borang yang senang, yang contohnya diberikan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Suruhanjaya Pilihanraya itu sahaja yang hendak saya sebutkan beberapa perkara, semoga dapat diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perkara yang kedua yang diminta dalam Rang Undang-undang ini ialah Perkara 61 Perlembagaan supaya membolehkan Setiausaha Parlimen duduk di dalam Dewan untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana seorang Ahli di dalam Dewan ini tadi telah mengemukakan ucapannya menyokong pindaan ini dibuat yang membolehkan seseorang Setiausaha Parlimen duduk di dalam Dewan, memang telah sampai masanya bahawa selain daripada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, juga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini duduk di dalam Dewan memandangkan bahawa tugas Menteri-menteri kita, tugas Timbalan-timbalan Menteri kita makin hari makin banyak, bukan makin hari makin kurang. Menteri-menteri kita makin banyak akan melawat, setninggu sekali dia hendak balik ke kawasan pilihanrayanya, hari-hari kerja, dia akan merasmikan itu, merasmikan ini; akan menghadiri seminar itu, seminar ini; akan menghadiri jamuan itu, jamuan ini; akan melancarkan itu, melancarkan ini; dan di hujung tahun melawat ke luar negeri bawa rombongan mencari pelaburan, memakan masa sebulan kadang-kadang. Tugasnya banyak dan apabila Timbalan Menteri juga menghadapi tugas-tugas yang seperti itu juga banyak tugasnya.

Jadi telah sampai masanya untuk membolehkan seorang Setiausaha Parlimen daripada satu-satu Kementerian untuk mewakili Timbalan Menteri menjawab di dalam Dewan selain daripada tugas-tugasnya yang semakin banyak dan semakin besar itu tadi. Ini juga untuk membolehkan bahawa setiap Setiausaha Parlimen itu untuk belajar bertegang urat dengan Ahli-ahli Dewan, sebab Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara ini juga kadang-kadang timbul perkara-perkara yang panas, jadi dengan itu dapatlah Ahli-ahli daripada Setiausaha-setiausaha Parlimen tadi menghadapi suasana dalam Dewan ini untuk mereka membiasakan dirinya

apabila sampai masanya sebagai pemimpin-pemimpin muda, pemimpin-pemimpin pelapis untuk mengambil tempat sebagai Timbalan Menteri ataupun sebagai seorang Menteri.

Namun harapan saya, apa yang saya harapkan supaya Setiausaha-setiausaha Parlimen yang akan duduk di dalam Dewan ini untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan, untuk membawa Rang Undang-undang misalnya, supaya bersiap sedia betul-betul terutama daripada segi apa yang saya hendak katakan mengenai dengan bahasa. Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa negara kita mesti diutamakan, jangan sampai nanti ada kalangan Setiausaha Parlimen yang menjawab dalam Bahasa Kebangsaan tidak tentu hujung pangkal, tidak terang biji butirnya. Ini kalau saya dengar, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa yang agak sedikit kasar saya akan bantai.

Jadi ini supaya dapat menggunakan Bahasa Malaysia sebaik-baiknya. Tidak patut kalau ada nanti di kalangan saudara-saudara kita Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Parlimen daripada yang bukan Melayu menjawab dalam Bahasa Malaysia lintang-pukang, nanti akan timbullah soalan tambahan makin banyak dan makin panjang. Tetapi bukan itu maksud saya, maksud saya ialah kita mesti mendokong cita-cita negara bahawa Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan itu hendaklah diutamakan dalam urusan-urusan rasmi yang seperti ini. Kita tidak mahu kedaulatan bahasa itu seolah-olah diambil sambil lewa begitu sahaja, menjadikan gelak-ketawa kita sesama kita di dalam Dewan yang tertinggi di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana pernah berlaku dalam sejarah Parlimen kita ini, seorang Setiausaha Parlimen yang menjawab terpaksa dibantu oleh Menteri yang ada di

sebelahnya, Timbalan Menterinya. Ini tidak sedap dipandang sebagai negara yang telah merdeka hampir 30 tahun keadaan yang seperti itu berlaku. Saya percaya bahawa ketua pimpinan Kerajaan kita tentulah akan memerhatikan perkara ini supaya tidak berulang lagi daripada satu masa ke satu masa kerana kita takut jika sekiranya keadaan yang seperti itu berlaku, Pembangkang akan menggunakan ini sebagai isu seolah-olah dengan adanya Setiausaha Parlimen dalam Dewan ini merendahkan mertabat dan ini telah pun diucapkan oleh Pembangkang dalam Dewan Rakyat, telah diucapkan oleh Pembangkang dalam Dewan Rakyat kerana menurunkan mertabat Dewan Rakyat itu kepada Dewan yang kebudak-budakan, sehingga terpaksa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bangun memberi penjelasan pada masa itu juga. Pembangkang akan menggunakan isu ini seolah-olah Parlimen kita telah jatuh tarafnya, katanya.

Yang sebenarnya tidak, kita mempunyai orang-orang yang berkeliber, kita mempunyai pemimpin-pemimpin, Setiausaha-setiausaha Parlimen yang berwibawa, yang bertanggungjawab, yang mampu untuk melaksanakan tugas-tugas ini sama ada di Dewan Rakyat atau di Dewan Negara. Semasa Menteri tidak ada, semasa Timbalan Menteri tidak ada, semasa Menteri ada urusan yang mustahak di luar Dewan, Timbalan Menteri ada urusan mustahak di luar Dewan, maka kita serahkan tanggungjawab itu kepada Setiausaha Parlimennya. Tetapi Pembangkang menggunakan hal ini seolah-olah Kerajaan, seolah-olah Parlimen ini jatuh tarafnya kepada taraf budak-budak. Ini adalah bahasa, adalah satu hujah yang sepatutnya tidak patut dikeluarkan oleh mereka yang duduk di dalam Dewan yang tertinggi di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian bahasan saya dan dengan ini saya menyokong sepenuhnya Akta untuk meminda Perlembagaan bagi membolehkan, tambahan 3 kerusi Dewan Rakyat untuk Sarawak dan membolehkan Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Parlimen untuk menjawab di dalam Dewan ini. Sekian, terima kasih.

5.00 ptg.

**Tuan Stephen Timothy Wan Ullok:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan Perlembagaan, dua perkara iaitu untuk meningkatkan ahli anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Sarawak dan meminda Perkara 61 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1977, pengundi di Sarawak sudah meningkat sampai 44.72%. Tibalah masa dan sewajarnya untuk kita meningkatkan juga anggota-anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Oleh kerana yang demikian, saya bersetuju dengan apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat yang terdahulu dari saya untuk menyokong pindaan-pindaan atas Perlembagaan Persekutuan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan dan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional di atas cita-cita Kerajaan untuk meningkatkan anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di Sarawak. Pertama sekali di Sarawak kawasannya luas.

Saya beri contoh, kawasan Baram di Bahagian Keempat. Jikalau kita bandingkan dengan keadaan di Semenanjung Malaysia, jikalau kita berjalan dari Miri ke Leo Mato memakai perahu panjang 40 kuda enjin, lebih kurang empat hari berjalan pakai perahu panjang mudik sungai. Daripada Leo Mato sampai ke Bario lebih kurang mengambil masa



dua tiga minggu berjalan kaki, naik bukit turun bukit, naik gunung turun gunung yang beribu-ribu kaki tingginya, jauhnya sukar untuk berjalan, jikalau kita mahu Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri untuk melicinkan tugas-tugas mereka, kita harus meningkatkan bilangan ahli-ahli di sana.

Ketiganya, di Sarawak sekarang penduduknya banyak di luar bandar, ramai penduduknya di luar bandar, lebih dari 70% penduduk-penduduk di Sarawak di luar bandar. Apabila tiba masanya Suruhanjaya Pilihanraya hendak membahagi-bahagikan kawasan, saya harap Suruhanjaya Pilihanraya menimbang berat dari segi di luar bandar sebab ramainya orang kita, orang bumiputera di luar bandar. Dari segi minoriti juga ramai di luar bandar. Saya harap Kerajaan akan mengambil berat atas hal yang demikian. Tiga kerusi itu patutlah kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan, itupun sudah bagus, itu kita memikirkan Kerajaan sudah menimbang berat dari segi pelincinan pentadbiran di Negeri Sarawak.

Di Negeri Sarawak, seperti saya katakan tadi, jikalau kita kira dari segi pembangunan jauhlah ketinggalan dari Semenanjung Malaysia. Dari segi perhubungan, pengangkutan sukar jikalau kita tidak dengan secepat mungkin menjalankan pertambahan ini, mungkin ahli-ahli kita tidak dapat menjalankan tugas mereka dengan licinnya, oleh kerana seperti saya katakan dahulu untuk pergi dari satu tempat ke satu tempat sangat jauh. Oleh sebab-sebab yang demikian susah bagi Wakil Rakyat kita untuk bertemu dengan pengundi-pengundi mereka.

Keempat, apabila tiba masa untuk pilihanraya, calon-calon berbelanja lebih besar di Sarawak sebab kawasannya sangat luas. Jikalau kita

menambahkan bilangan anggota Parlimen di Dewan Undangan Negeri, ramailah orang kita dapat mewakili penduduk-penduduk di luar bandar. Oleh yang demikian saya dengan penuh hormatnya menyokong penuh kepada cita-cita Kerajaan untuk meningkatkan anggota-anggota Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri di Sarawak.

Pindaan Fasal 61 iaitu untuk memberi peluang kepada Setiausaha Parlimen untuk menjawab soalan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, saya pun menyokong dengan sepenuhnya. Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Kenneth Kanyan.

#### 5.06 ptg.

**Tuan Kenneth Kanyan Anak Temenggong Koh:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang, suatu Akta untuk pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan untuk menambahkan bilangan Ahli-ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sarawak dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk peruntukan untuk Suruhanjaya Pilihanraya membuat ulangkajian di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan untuk membahagi-bahagikan Negeri Sarawak pada bahagian-bahagian pilihanraya Persekutuan dan Negeri dan juga membuat peruntukan supaya perkara 61 Perlembagaan terpakai kepada seseorang Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas Kerajaan Pusat menambahkan Ahli-ahli Dewan Rakyat dari Sarawak dan pindaan ini menambahkan anggota-anggota Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kita di Sarawak tempatnya besar, lebih kurang sama besar dengan Semenanjung Malaysia dan menambahkan ahli-ahli seperti ini sangatlah baik kepada rakyat di Sarawak dan tambahan ini diterima dan disokong oleh rakyat kita di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan 3 kerusi amatlah diperlukan kerana Negeri Sarawak sangat luas. Seperti kawasan Parlimen Ulu Rajang, besarnya adalah sama dengan satu State di Semenanjung Malaysia dan banyak kawasan yang besar-besar lagi. Di kawasan Parlimen Ulu Rajang, jikalau kita berjalan naik perahu panjang memakai twin engine 40 h.p. dari Ballieh pergi ke Kapit selepas pergi ke Belaga, pergi ke Long Busang, untuk sampai ke tempat itu kita mengambil masa lima hari.

Saya berharap Suruhanjaya Pilihanraya memikirkan sempadan 3 kerusi tambahan yang baru ini dengan memuaskan kaum-kaum di Sarawak supaya semua kaum di Sarawak dapatlah diwakili oleh semua kaum di peringkat Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakyat Sarawak mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Pusat memberi pertimbangan menambahkan tiga kerusi lagi untuk perwakilan dan dapatlah menyuarakan kesusahan rakyat di peringkat Pusat berkenaan dengan keperluan rakyat yang di luar bandar.

Saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang terhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar.

5.01 ptg.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk bersama-sama dengan rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini bagi mengambil kesempatan untuk membahaskan satu Rang Undang-undang iaitu satu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan bagi menambahkan bilangan Ahli-ahli Dewan Rakyat di Negeri Sarawak dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk peruntukan untuk Suruhanjaya Pilihanraya membuat ulangkajian di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan untuk membahagikan Negeri Sarawak kepada Bahagian-bahagian pilihanraya Persekutuan dan Negeri dan juga membuat peruntukan supaya Perkara 61 Perlembagaan terpakai kepada seorang Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira, sebagaimana yang telah di bantangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan usul ini, Kerajaan kita adalah Kerajaan yang demokratik yang memberikan peluang-peluang yang demokrasi sebenar-benarnya kepada rakyat jelata bagi menikmati hidup dengan konsep demokrasi yang tulen sejajar dengan ala hidup rakyat di Malaysia ini.

Kita telah mendengar bagaimana kesukaran-kesukaran kepada rakyat dan juga Wakil-wakil Rakyat di Negeri yang sangat terbesar dan luas di Malaysia ini seperti Sarawak dengan bukit bukaunya, hendak membuang undi terpaksa merangkak sembilan bukit, tujuh lurah, lima kuala diselam baru hendak sampai ke tempat membuang undinya. Kalau beginilah dibiarkan dengan tidak ada pindaan-pindaan yang sesuai, yang lojik tentulah rakyat di Sarawak yang diam

di pendalaman, yang jauh berbatu-batu disebalik 7 dan 8 lapis bukit-bukau ini, walaupun Negeri ini menghijau dilihat daripada awan, tetapi jika rakyatnya tidak dapat mencampuri dengan rasa jiwa yang demokratik ini diberikan kepada mereka, maka ini adalah suatu yang tidak adil kepada kita. Dengan sebab itulah saya rasa jiwa yang tersirat di dalam kehendak-kehendak untuk mcmmda Perlembagaan bagi menyesuaikan, membelah bahagi, mempersempadankan kawasan-kawasan pilihanraya di Sarawak ini serupalah dengan keadaan yang telah kita lakukan bagi Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan kuasa-kuasa yang kita berikan Suruhanjaya Pilihanraya nanti setelah Rang Undang-undang ini diluluskan, saya berharap dan, di dalam Dewan yang muiia ini, kita berharap supaya Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan kewajibannya dengan teliti, cermat serta tidak ditekan oleh perasaan dari mana-mana pihak yang sedang bergelojak hari ini dengan suasana politik baik di Semenanjung ataupun di Malaysia Timur-Sabah dan Sarawak, kerana emosi-emosi politik ini walaupun tidak dapat dipisahkan daripada jiwa kita, tetapi Suruhanjaya Pilihanraya sebagai suatu badan bebas yang telah diamanahkan, yang telah ditentukan hak-hak bagi menjalankan kuasa-kuasa ini, kita berharap janganlah pihak Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan kuasa-kuasa itu dengan sewenang-wenangnya sahaja.

Secara praktik dan pengalaman yang telah kita dapati akhir-akhir ini sempadan-sempadan kawasan pilihanraya yang telah dirombak—misalnya, di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia, kita dapati ada sedikit kesukaran-kesukaran bagi bakal-bakal Wakil Rakyat yang akan mewakili kawasan itu, umpamanya,

kawasan-kawasan Pilihanraya Parlimen itu telah memasuki tiga, empat tadbiran daerah, bucu daerah ini ambil sedikit, bucu daerah yang asal ada sedikit, sampai termasuk kepada tiga, empat daerah. Saya kira ini tidaklah melcinkan tadbiran daerah itu sendiri kerana seorang Wakil rakyat itu akan menghabiskan masanya untuk memburu mesyuarat-mesyuarat Tindakan Daerah tiap bulan itu dan terpaksa menghadiri tiga, empat atau lebih mesyuarat Tindakan Daerah tiap bulan, jangan kira lagi dengan mesyuarat-mesyuarat kecil yang lain.

Kesukaran-kesukaran kepada Wakil Rakyat ini, beban-beban yang berat ini, lambat laun akibatnya, kesan-kesannya, akan dirasai oleh rakyat yang diwakilinya sendiri kerana Wakil rakyat itu akan berkeadaan seperti layang-layang mandi, dia terbang di angkasa, cecah sana, cecah sini; jadi dari segi perancangan, dari segi keberkesanan tugas dan sebagainya, tidak dapat dilicinkan suasana itu. Ini salah satu daripada antaranya pengalaman-pengalaman, membelah bahagi dan mempersempadankan kawasan pilihanraya ini yang kita telah rasai dan alami sekarang.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada pembelahan dan penyusunan sempadan kawasan-kawasan pilihanraya ini juga, terdapat dengan izin, perubahan-perubahan polling stations, pusat-pusat membuang undi. Umpamanya di kawasan Batang Padang, sebagai contoh, kaum-kaum asli daripada pendalaman di Jaian Pahang, sepanjang jalan ke Cameron Highland, daripada Batu 26 ke Batu 19 atau Batu 7, Ja'an Cameron Highland ini—saya tidak pernah ke Sabah dan Sarawak—barangkali tempat kedudukan kaum-kaum asli yang akan mengundi ini pun lebih kurang sama juga keadaannya ataupun lebih mudah sedikit daripada

Negeri Sarawak dan Sabah. Tetapi kalau kita tinjau kemudahan yang akan kita lakukan kepada pengundi-pengundi ini, walaupun mereka itu diambil dengan kereta, dengan kenderaan, dengan motosikal dan sebagainya, pada hari itu satu undi itu lebih daripada intan berlian nilainya, memang semua orang jemput dia, parti Pembangkang jemput dia, sampai tepi tangga, parti Kerajaan apatah lagi.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang sangat menyedihkan Polling Station yang telah ditetapkan itu mereka terpaksa pergi membuang undi secara apa yang saya hendak misalkan, seperti apa yang terdapat di dalam satu cerita kaum Firaun yang telah dihukum pancung oleh Firaun ini, kaki kiri dipotong bersamaan dengan tangan kanan, kaki kanan dipotong bersamaan dengan tangan kiri yang dipotong, bertukar sehingga menyulitkan. Penduduk-penduduk kaum Asli di Batu 25 dan Batu 26 dibawa mengundi sehingga ke Batu 7 daripada Kuala Woh dibawa mengundi ke Batu 19, orang yang di atas dibawa ke bawah, yang di bawah dibawa ke atas.

Apabila hari pilihanraya itu jatuh pada musim tengkujuh hujan seperti hari ini, seperti tahun 1982. Di dalam tahun 1982, Tuan Yang di-Pertua, bulan April dan bulan Mei itu boleh dikatakan panas cuma dua hari, hari mengundi adalah hari hujan yang amat lebat daripada dini hari tengah malam sehingga ke waktu petang, termasuk dengan jalanraya Ipoh ke Kuala Lumpur putus akibat pelombong-pelombong yang tamak memutuskan jalan itu mencari bijih, nyaris pula seorang calon bagi kawasan Tapah sama-sama masuk ke dalam jalan yang putus. Ini keadaan musim hujan, jadi kaum-kaum Asli selalu merayu, kenapakah kami dibuat begini. Tidakkah boleh Pusat-pusat Mengundi

itu didekatkan dengan sekolah, balairaya yang senang dihubungi, senang didatanginya.

Di kata Amanah Saham Nasional lebih baik, datang hingga sampai ke kampung-kampung orang Asli. Kempennya pun besar, apatah lagi, Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran-pendaftaran pengundi makin kita lama menghadapi pilihanraya ini keadaannya adalah semakin menyulitkan terutama bagi penduduk-penduduk luar bandar.

Contohnya Penolong Pendaftar Pengundi yang mendaftar pengundi-pengundi ini ada yang dipakai sejak tahun pilihanraya yang pertama tahun 1955 lagi. Pada satu ketika pula Suruhanjaya Pilihanraya ini menetapkan jangan keluar, tunggu rakyat datang mendaftar. Perbezaan-perbezaan kaum, perbezaan sikap dan pendapat di antara kaum kita yang ada di negeri ini sungguh berbeza.

Bagi penduduk-penduduk di tengah-tengah metropolitan Kuala Lumpur ataupun bandar Ipoh, bandar-bandar kecil, mereka ini mudah datang untuk mendaftar diri secara demikian, tetapi, bagi penduduk-penduduk di luar bandar apatah lagi penduduk-penduduk kaum Asli yang ada sebagai contoh yang nyata di hadapan mata saya yang menduduki empat lima lapis punchak gunung walaupun mereka kata bila kita bertanya di mana kampung mika, dengan izin, aya ajok cakap dia. "Rumah seme dekat sahaja, sebatang rokok pun sudah sampai. Tetapi, dia tidak pakai kilometer dengan batu. Sebatang rokok bagi kaum orang Asli ini, hisap sekali, bubuh sini, mati. Hisap lagi kurang-kurangnya empat jam perjalanan. Maka, Penolong-penolong Pendaftar yang dilantik oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini hendaklah terdiri daripada kaum mereka juga supaya mereka ini senang berhubung, senang pergi. Mereka ini pun sudah bersekolah, sudah pandai dan ada di

kalangan mereka ini yang sudah menjadi guru, yang menjadi juru hebah Radio yang boleh membuat pendaftaran di kampung-kampung Orang Asli itu sendiri dengan penuh kemesaraan, penuh muhibbah, tidak mengikut waktu dan jam, waktu pejabat pukul 4.00, pukul 8.00 ataupun pukul 3.00 hingga pukul 6.00. Ini, Tuan Yang di-Pertua, sistem kita masuk Parlimen tidak boleh dibawa kepada pengundi-pengundi . yang sangat-sangat kita pentingkan untuk menentukan kuasa dan menentukan kita duduk di dalam Dewan yang mulia ini untuk meluluskan undang-undang, demi undang-undang setiap tahun dan setiap penggal.

Jadi, perkara-perkara yang seperti inilah, Tuan Yang di-Pertua walaupun Suruhanjaya Pilihanraya ini mempunyai tugas-tugas yang berat yang kita pinda dari semasa ke semasa mengikut hasrat, mengikut keadaan, mengikut perkembangan pembangunan, kependudukan rakyat di negara ini tetapi Suruhanjaya Pilihanraya pun hendaklah mengikut rentak dan tari memberikan keselesaan, memberikan kebaikan kepada undang-undang pentadbiran dan berkesan undang-undang ini secara prektikal.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira banyak lagi perkara-perkara yang sepatutnya difikirkan di dalam kerja-kerja membelah bagi dan mempersepadankan kembali kawasan-kawasan pilihanraya ini terutama sekali bagi negeri yang luas, yang rumit seperti negeri Sarawak yang saya kira rakyat yang datang daripada kawasan itu sendiri boleh membantu usaha-usaha Suruhanjaya Pilihanraya bagi melicinkan kerja-kerja dan sistem penyusunan semula kawasan-kawasan pilihanraya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Perkara 61 Perlembagaan di mana satu pindaan kecil tetapi penuh bererti untuk membolehkan kepada

Setiausaha-setiausaha Parlimen menghadiri dan duduk di dalam proceedings Majlis Dewan Negara ini. Ini sebenarnya, sepatutnya sudah lama kita meminda fasal ini, kerana kerja-kerja Menteri, kerja-kerja Timbalan Menteri semakin hari semakin bertambah, yang tak kita duga pun tugas-tugas ini akan muncul. Selagi manusia hidup, selagi rakyat ini berkembang, selagi demokrasi ini kita pakai, politik masih bergolak, seterusnya akan bergolak, perkara-perkara yang dengan izin tidak munasabah, akan menjadi munasabah akan jadi. Dengan sebab itu tugas-tugas Menteri yang berat ini patutlah diberi kuasa seperti yang akan kita pinda ini kepada Setiausaha-setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pun sebagaimana yang saya telah pernah katakan, kalaulah umpamanya Dewan negara ini Menteri-menterinya sebok, Timbalan Menterinya pun turut sebok, maka dengan ketiadaan Setiausaha-setiausaha Parlimen pula Dewan Negara ini akan kuntang, kadang-kadang lone renger Menteri-menteri Kabinet di dalam Dewan Negara ini. Ini pun kehadiran Menteri, kehadiran Timbalan Menteri, kehadiran Setiausaha Parlimen sebagai mewakili Menterinya-Kementeriannya memberi semangat yang penuh kepada Ahli-ahli Dewan untuk menyuarakan pendapat-pendapat, kerana kalaulah anggota Dewan ini penuh sekali pun tetapi tanpa kehadiran semangat oleh menteri-menteri Kabinet maka rasa saya perbincangan dalam Dewan ini, suar-suara yang kita sampaikan itu pun agak pincang rasanya jikalau tidak ada diwakili oleh pihak Kerajaan, pihak-Kementerian seperti Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Menteri tadi.

Jadi, dengan sebab itulah saya kira kita menyokong penuh pindaan Perlembagaan bagi Fasal-fasal

tertentu, iaitu Perkara 46 dan Perkara 61 ini dan saya menyokong dengan sepenuhnya pindaan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Yang berhormat.

5.30 *ptg.*

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk mengambil bahagian sama bagi menyokong dan membahaskan pindaan Perlembagaan ini. Di samping untuk menyatakan sesuatu di dalam pindaan ini, saya percaya dengan adanya pindaan ini, sama ada Fasal 46 atau Fasal 61, sudah pasti akan memberi peluang kepada golongan-golongan yang tertentu yang sengaja hendak mencari fasal untuk menuduh kononnya dengan adanya pindaan ini akan bertambahlah peluang kepada ahli-ahli politik untuk mencari rezeki kerana dengan bertambahnya kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat ini maka tak dapat tidak akan diisi oleh ahli-ahli politik yang akan berkesempatan menduduki di Dewan-dewan ini.

Barangkali tuduhan ini boleh dilemparkan oleh orang-orang yang sengaja hendak mencari tuduhan atau orang-orang yang mempunyai perasaan iri hati kepada ahli-ahli politik, terutama kepada pihak Kerajaan atau mungkin golongan-golongan ini terdiri daripada tukang-tukang cacat sahaja yang tidak tahu menilai hakiki yang sebenarnya di dalam masalah semangat dan tujuan pindaan perlembagaan ini.

Sesungguhnya setiap kali pindaan Perlembagaan di dalam negara kita ini ialah merupai satu perkara yang amat besar dan berat, walaupun pindaan ini ialah sebahagian kecil tetapi besar maknanya kepada negara ini. Apatah lagi kepada ahli-ahli politik yang rasa amat tidak ingin sekali untuk meminda-minda Perlembagaan yang ada ini. Namun demikian, demi untuk

melahirkan keidealan dan kesungguhan bagi pihak Kerajaan Barisan Nasional, sama ada di peringkat Pusat dan di Negeri terhadap rakyatnya, maka pindaan ini terpaksa dibuat juga.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini akan bertambahlah kerusi di Dewan Rakyat nanti yang akan diwakili daripada Negeri Sarawak. Ini menunjukkan bahawa tidak ada satu sikap diskriminasi oleh Kerajaan Pusat kepada semua negeri-negeri yang ada, termasuklah Negeri Sarawak dan ini juga, dengan kata lain, tidak ada sikap diskriminasi oleh Kerajaan Pusat kepada semua kaum yang menjadi warganegara di negara kita ini yang terdiri daripada masyarakat yang majmuk ini. Menyedari hakikat adanya ahli-ahli atau Wakil-wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat dan bertambahnya dengan pindaan ini, ini jelas kepada kita bahawa akan bertambahlah suara-suara daripada rakyat kepada Kerajaan untuk melaksanakan dengan erti kata yang sebenar bahawa di negara kita ini akan terus-menerus memelihara, mengamal dasar demokrasi kita ini, yang bererti kita akan melahirkan sebuah Kerajaan daripada rakyat atau ditegaskan Kerajaan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa lagi keadaan politik dan ahli-ahli politik di negara kita ini walaupun nama mereka atau golongan mereka disebut sama seperti ahli-ahli politik di mana-mana negara lain di dunia ini, tetapi ada istimewanya ahli-ahli politik di dalam negara kita ini kerana ahli-ahli politik di negara kita ini mempunyai ala dan cara-caranya yang tersendiri, iaitu ala kita. Ahli-ahli politik yang akan mengisi ruang yang akan dilahirkan dengan pindaan ini bukan sahaja akan duduk di Dewan Rakyat atau di Dewan Negeri nanti sebagai pencipta undang-undang semata atau orang-orang yang terhormat semata, sebaliknya ahli-ahli politik di negara

kita ini benar-benar melaksanakan gelaran kepada mereka "Yang Berhormat". Ertinya sedang melaksanakan tugas untuk menghormati tanggungjawabnya kepada rakyat yang diwakilinya. Justeru yang demikian. Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli politik di negara kita ini bukan sahaja pengisi Dewan atau penyerah fikiran untuk kebaikan rakyat, bahkan mereka tak salah jika dianggap kepada merekalah juga orang yang dihormat, kepada merekalah juga orang yang diharapkan oleh rakyat setempat, kepada merekalah juga diamanahkan untuk melahirkan perundangan yang ideal dan adil kepada rakyat agar negara akan menjadi sebuah negara yang aman, agar rakyat akan hidup di dalam keadaan yang bahagia, aman dan sentosa, tetapi kepada mereka juga dianggap sebagai Pegawai Kebajikan, terutama Wakil-wakil Rakyat.

Maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pernah menjadi Wakil Rakyat, setiap kali berjumpa dipanggil "Yang Berhormat", setiap kali berucap disebut "Yang Berhormat", tetapi tugas adakala tak lebih daripada seorang penghantar surat, adakala kita dianggap sebagai seorang doktor, hatta kalau ada isteri orang beranak pun kita kena pergi, kalau tak pergi seolah-olah salah kepada seseorang Ahli Wakil Rakyat itu sebagai tak menyempurnakan tugas. Apa lagi kalau ada kenduri-kendara, kita kena pergi. Adakala terpaksa menjadi tukang angkat, penyambut tetamu, bahkan lebih daripada itu sehingga adakala seseorang Wakil Rakyat, ahli politik ini terpaksa menjadi Tuan Kadi, orang hendak bercerai pun dia kena selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya katakan ahli politik di negara kita ini mempunyai keistimewaan yang ala tersendiri, bahkan sejajar dengan negara kita yang sedang membangun

ini sumbangan Wakil-wakil Rakyat daripada ahli politik ini tak kurang pentingnya bagi melibatkan tenaga bagi menajaya dan menjamin kesempurnaan sesuatu perancangan Kerajaan bagi kepentingan rakyat, teristimewa di kawasan-kawasan luar bandar.

Ahli-ahli Wakil Rakyat ini bukan sahaja dianggap berkuasa memberi segala apa yang dikehendaki dan dituntut oleh rakyat tetapi juga menjamin seolah-olah sebagai seorang engineer kalau hendak buat jalan, seorang akitek kalau hendak buat rumah. Begitulah keadaan Wakil Rakyat kita dan mereka akan bertugas tidak seperti tugas yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang lain. Waktu bertugas di pejabat dahpada pukul 8.00 sampai pukul 4.30 atau pukul 4.00, sedangkan mereka terpaksa bertugas sepanjang masa siang tak bererti terang, malam tak bererti gelap, tidak ada batas kepada mereka untuk menerima kedatangan rakyat terutama rakyat yang mewakilkan ianya sebagai Wakil Rakyat di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ada orang menganggapkan pindaan ini akan memberi peluang kepada ahli politik untuk mendapat peluang mencari rezeki, saya kira ini akan bertambah memberi bebanan kepada ahli-ahli politik untuk memikul tanggungjawab, tetapi mujurnya, baiknya kerana tidak ada ahli-ahli politik yang tidak rela untuk memikul beban apa lagi ahli-ahli politik yang terdiri daripada para penyokong Kerajaan Barisan Nasional yang ada ini, yang telah sememangnya mereka merelai diri mereka melibatkan diri di dalam parti Kerajaan ini semata-mata untuk melakukan sumbangan kepada rakyat dan membangun negara ini, bahkan jika hendak dikira dengan sumbangan atau timbal upahnya saya kira amatlah tak cukup.

Walaupun ini pernah diperkatakan oleh orang di dalam masalah apa yang didapati oleh ahli-ahli politik melalui hak-hak yang berada di dalam Perlembagaan ini terutama melalui pilihanraya-pilihanraya, tetapi pada hakikinya jauh daripada cukup, apa lagi jika hendak dibandingkan dengan pendapatan-pendapatan yang didapati oleh mereka yang hasil daripada perjuangan ahli-ahli politik ini.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, daripada seorang peniaga. Sekalipun seorang peniaga warung jika hendak dibandingkan timbal balas upahnya mereka adalah lebih bertuah daripada apa yang didapati oleh ahli-ahli politik. Sungguhpun demikian, saya percaya tidak ada ahli-ahli politik yang kesal di dalam masalah ini bahkan mereka rela dan mereka bangga, mereka bangga kerana apa yang diperjuangkan oleh mereka, apa yang telah direlai oleh mereka mencapai matlamat yang dikehendaki oleh mereka.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, pindaan Perkara 46 ini adalah amat baik dan tepat bagi memberi peluang kepada pihak pemerintah untuk lebih menjamin kesempurnaan dasar pembangunan terutama pembangunan di kawasan luar bandar.

Saya bersetuju dengan apa yang telah disuarakan oleh sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sarawak yang baru sekejap tadi. Memang seorang Ahli Wakil Rakyat Dewan Rakyat daripada negeri Sarawak mempunyai kawasan yang luas-luas. Kalaupun kita di sini ada juga kawasan yang luas-luas, seperti di Kelantan, di Pahang, di Perak, tetapi saya kira luas lagi kawasan yang ada di Sarawak, tambahan pula dengan keadaan kemudahan-kemudahan yang baru hendak disempurnakan setelah penyertaan Sarawak bersama-sama dengan kita di dalam keluarga

Malaysia ini. Yang demikian, saya kira setiap rakyat bukan sahaja anggota Dewan ini yang boleh berfikir dengan secara ideal untuk menerima keadilan pindaan ini amat perlu diberi sokongan dengan sepenuh-penuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, apakala pindaan Perkara 46 ini diterima nanti oleh Dewan ini, maka akan terbabitlah pula dengan Fasal 2, Perkara 13 dengan Jadual 13nya. Demikian ideal sikap kita menjunjung demokrasi dan kemuliaan dan kesucian demokrasi di negara kita ini. Memang Perlembagaan hanya boleh dipinda oleh anggota-anggota Dewan ini dengan persetujuan yang telah dimaktubkan di dalam Perlembagaan tetapi sungguhpun anggota-anggota Dewan ini yang terdiri daripada ahli-ahli politik yang meminda dan mencipta Perlembagaan ini, namun setelah dipinda mereka dengan penuh ringan, dengan penuh jujur, dengan penuh ikhlas menyerahkan pelaksanaannya kepada suatu badan yang bebas iaitu Suruhanjaya Pilihanraya. Diserahkan dengan sepenuh-penuhnya di atas tiket keyakinan dan kepercayaan kepada setiap individu keluarga yang ada di dalam Suruhanjaya Pilihanraya ini daripada Ketua Pengarahnya sehinggalah sampai kepada budak pejabatnya.

Bagi pihak ahli-ahli politik yang menduduki di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara ini tidak ada soal kepercayaan dan keyakinan, terus kepada mereka. Merekalah yang akan melaksanakan tanpa campur-tangan. Walhal yang menciptakannya, yang melahirkannya setidak-tidaknya daripada petunjuk di sini. Namun demikian, setelah dipilih kita memberi kebebasan yang sepenuh-periuhnya tanpa disentuh, tanpa melibatkan diri bahkan dengan sepenuh keikhlasan pula sanggup memberi sumbangan kerjasama bagi mempasti dan menjamin matlamat yang dikehendaki



oleh Perlembagaan atau pindaan ini terlaksana dengan erti kata yang sebenar oleh pihak mereka itu.

Untungnya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun pegawai-pegawai kita ini silih berganti sejak daripada kita mulai mencapai kemerdekaan sehingga sekarang, Alhamdulillah kita diberi pegawai-pegawai yang memahami hakikat dan memuliakan kepercayaan daripada kita kepada mereka.

Ya, memang kita sedar, Tuan Yang di-Pertua, sebagai ahli-ahli politik juga, mereka juga tidak dapat mengelakkan diri daripada menjadi target, terutama kepada orang-orang yang tertentu, kalau orang politik juga sering menjadi perhatian, menjadi bahan cerita, menjadi bahan teguran, kebetulannya dasar bebas yang ada pada negara kita ini, pegawai-pegawai ini juga tidak dapat mengelakkan diri. Mereka juga akan terpaksa menghadapi keadaan-keadaan yang seperti itu. Walaupun kita agak berpuas hati, walaupun kita agak sukacita dengan tindakan-tindakan mereka; tetapi kita juga sering menderigar teguran-teguran yang datang daripada orang-orang ramai, umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya negara kita ini mengamalkan dasar demokrasi berparlimen. Memang angka atau bilangan juga perlu diambil kira tetapi dasar kita ialah dasar berkawasan. Ia mungkin barangkali kalau di suatu kawasan mempunyai pengundi lebih daripada 50,000 tetapi jika hendak diketemukan semua pengundi ini akan mengambil masa tidak sampai dua jam, boleh dihimpunkan sesuatu yang hendak disampaikan boleh disampaikan kepada mereka kerana tempat mereka sempit. Tetapi tidak demikian rupanya di kawasan-kawasan yang tertentu, umpamanya, di Sarawak ini, Walau mungkin kalau seorang Wakil Rakyat untuk menemui sekadar 50 orang rakyat yang diamanahkan kepada mereka, bukan

sahaja dalam sekadar dua jam, bahkan mungkin dua hari mereka tidak dapat memenuhi kehendak yang dikehendakkan itu kerana keadaannya, luas, berjauhan dan kedudukan masyarakatnya pula di antara satu dengan satunya adalah berjauhan.

Oleh yang demikian, saya mengambil kesempatan melalui Dewan ini sekadar untuk mengingatkan apa yang telah diingatkan oleh pegawai-pegawai kita ini, faktor-faktor yang sering diambil kira ini akan terus diambil kira, tidak akan membawa satu perhitungan di tempat yang hendak diambil kira dengan kawasannya diambil kira kawasannya semata, di tempat hendak diambil kira bilangan ramainya diambil kira bilangan ramalnya semata.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar penyelesaian saya yang telah dibuat terutama di kawasan Semenanjung ini oleh pihak Suruhanjaya ini. Kita tahu keluarga-keluarga Pesuruhjaya ini terpaksa bekerja mungkin jika jam ini boleh ditambah kepada 36 jam sehari semalam, mereka akan bekerja 36 jam sehari semalam. Tetapi oleh kerana waktu tidak dapat ditambah-tambah, mereka terus bekerja dengan penuh tanggungjawab. Saya sendiri membuat pengakuan ini tetapi sungguhpun begitu ada lagi sungutan-sungutan yang boleh dikemukakan, seperti apa yang disungutkan oleh setengah-setengah Ahli Yang Berhormat tadi. Mungkin sungutan-sungutan ini bukanlah semata-mata kerana hendak disungutkan di dalam Dewan ini, tetapi ada faktor-faktor benarnya.

Umpamanya, satu kawasan asalnya yang telah mempunyai pengundi seramai 12,000 di dalam kawasan yang sekian luasnya. Sejak daripada 10 tahun yang lalu beginilah keadaan kawasannya. Tiba-tiba dengan adanya pindaan baru ini sekarang kawasan ini

ikut terlibat dengan pindaannya, kononnya bilangan orangnya kurang, jadi terpaksa diperluaskan sedikit. Sepatutnya pindaan-pindaan ini berlaku barangkali kalau hendak dikira bilangan kerana bilangannya sudah terlampau bertambah. harus diperkecilkan, tetapi tiba-tiba berlaku mungkin barangkali boleh hendak dijadikan sebab keadaan yang sebegini berlaku juga di dalam keadaan pekerjaan yang sebegini baik. Memang, barangkali kata peribahasa Melayu tidak sempurna kenduri yang besar kalau tidak pecah sebiji pinggan. Barangkali keadaan inilah boleh berlaku. Walau bagaimanapun, saya rasa keadaan-keadaan seperti ini akan selalu diambil perhitungan diambil kira oleh pihak pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan ini juga, saya ikut menyokong di dalam Perkara 61 untuk memberi peluang kepada Setiausaha-setiausaha Parlimen kita mengambil bahagian menjawab di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Senate ini, Ini pun mungkin berbagai-bagai tuduhan yang boleh dilemparkan. Mungkin, Tuan Yang di-Pertua, akan lahir tuduhan daripada orang-orang yang tertentu yang memang sudah menjadi tukang cacat atau suka mengambil kesempatan mengada-adakan benda-benda yang tiada atau suka melahirkan seolah-olah mereka lebih merigetahui daripada apa-apa yang diketahui.

Kononnya, pindaan ini ialah untuk memberi peluang kepada pihak Kerajaan menyembunyikan kelemahan-kelemahan dari segi penguasaan bahasa oleh setengah-setengah pemimpin-pemimpin kita, terutama Menteri-menteri atau Timbalan Menteri-menteri kita sebagaimana yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat sahabat saya baru sebentar tadi.

Saya menyokong apa yang diutarakan oleh saudara Yang Berhormat itu. Setelah kita mencapai kemerdekaan hampir 30 tahun ini, kita sudah cukup mampu menguasai bahasa, terutama pada para pemimpin kita. Di samping itu kita terpaksa mengakui hakiki ada di antara Menteri-menteri kita pun yang setengah itu, barangkali keadaan tabiat gagapnya apakala hendak menjawab teragak-agak sehingga seolah-olah menampakkan kepada orang yang tidak mengenalinya sebagai ianya yang pertama tidak mengetahui apa soalan dan jawapan yang hendak diberi. Atau mungkin menampakkan bahawa ianya tidak berani dan tidak yakin untuk memberi jawapan di dalam Bahasa Kebangsaan kerana ianya tidak yakin di atas kemampuan dirinya sendiri menguasai bahasa itu.

Tuan Yang di-Pertua, apakan daya kita tidak dapat mengelakkan diri daripada tuduhan-tuduhan ini. Walau bagaimanapun saya tidak percaya dan tidak patut kalau sampai sekarang pun masih ada lagi orang-orang yang tidak dapat menguasai Bahasa Kebangsaan kita. Apa lagi tidak patutnya kalau ada pihak-pihak yang berkenaan yang seharusnya bertanggungjawab kepada sesuatu masalah itu di Dewan ini tidak pula mempunyai kemampuan untuk melahirkan jawapan apa yang dipohonkannya.

Oleh yang demikian, agar tuduhan tidak berlaku dengan secara fitnah supaya keadaan ini pun jangan diwujudkan dan tidak berlaku juga di dalam Dewan sama ada di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara ini.

Di samping itu pula, tadi telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan saya, tentang pindaan Perkara 61 ini, seolah-olah akan memberi peluang kepada Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri untuk meninggalkan

Dewan ini supaya mendapat peluang dilaksanakan oleh pihak Setiausaha-setiausaha Parlimen sahaja. Saya simpati dengan Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri.

Kita sedar betapa penting masa untuknya, untuk mereka itu. Jika mereka berada di dalam Dewan ini, sesungguhnya mereka telah menjalankan tugas mereka di Dewan ini, tetapi alangkah baiknya kalau mereka berada sama ada di pejabatnya atau di mana-mana tempat urusan rasminya. Kerana umpamanya kalau mereka berada di Dewan ini selama tiga jam, saya kira barangkali di dalam masa tiga jam, setidaknya-tidaknya 30-40 fail telah dapat diselesaikan. Kalau satu-satu fail itu mengenai satu projek yang hendak dilaksanakan umpamanya, katalah, jalan penting yang akan memberi faedah kepada 100,000 orang, tetapi oleh kerana kelambatan penyelesaian keputusan fail-fail itu, oleh kerana Menteri terpaksa berada menunggu di Dewan ini, maka yang menanggung kerugian bukan Yang Berhormat Menteri itu, tetapi sebaiknya 100,000 orang yang harus menerima menikmati daripada perancangan itu atas kelewatan masa menerima kemudahan itu.

Sungguhpun demikian, kita berharap kehadiran Yang Berhormat Menteri-menteri itu di dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua supaya mereka dapat mengetahui dengan secara langsung apa yang dibangkitkan oleh pihak rakyat di dalam Dewan ini atau di dalam Dewan Rakyat.

Namun begitu, saya kira sekiranya Setiausaha-setiausaha Parlimen ini diberi haknya seperti maksud pindaan yang tercatat di dalam Perkara 61 ini, maka sejajarlah dengan namanya sebagai Setiausaha Parlimen. Sedangkan sekarang ini namanya Setiausaha Parlimen tetapi haknya tiada, peranannya tiada, namanya

ada, tugasnya tiada. Sebab itulah saya ikut menyokong di dalam pindaan Perkara 61 ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, pmdaan ini semata-mata menuju kebaikan, walau mungkin akan dilemparkan dengan berbagai-bagai tuduhan, namun bagi kita tanam, maka tebulah yang akan cambah, manislah yang akan kita dapat nanti dan tak mungkin lalang yang akan tumbuh.

Atas asas ini, saya sekali lagi menyokong penuh pindaan yang telah dikemukakan dan diluluskan di Dewan ini.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.05 *ptg.*

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini, sehingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang berbunyi:

Bahawa walau apa .pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11. Dewan ini tidak akan

ditangguhkan hari ini, sehingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan. Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusof, silakan.

6.05 *ptg.*

**Tuan Mohd. Yusof bin Haji Md. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berdiri untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Akta (Pindaan) kepada Perlembagaan sebagaimana yang tertera di dalam Rang Undang-undang di hadapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, di antara negara-negara dalam dunia ini, saya rasa, negara kita inilah yang paling banyak membuat pindaan kepada Perlembagaan dan pindaan seperti ini adalah salah satu daripada pindaan-pindaan yang berkenaan.

Apabila kita mendapat kemerdekaan dalam tahun 1957, kita telah menerima suatu Perlembagaan yang pada umumnya dikatakan sebagai Perlembagaan ala-British dengan kita menempuh banyak pengalaman selepas mencapai

kemerdekaan, maka banyak pindaan-pindaan telah dibuat kepada Perlembagaan negara kita ini.

Ini menunjukkan bahawa Perlembagaan yang ada di negara kita hari ini sudah tidak menjadi sebuah Perlembagaan yang ditiru semata-mata tetapi telah berkembang mengikut pengalaman yang ada di dalam negara kita sendiri. Perlembagaan kita telah berubah menjadi sebuah perlembagaan yang berdasarkan kepada pengalaman daripada masa kita mencapai kemerdekaan sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang di hadapan kita hari ini adalah merupakan pindaan kepada peruntukan-peruntukan untuk kawasan-kawasan pilihanraya di negeri Sarawak. Dengan ini menunjukkan bahawa proses demokrasi di dalam negara kita masih berjalan dengan tidak terbantut, tetapi walau bagaimanapun sama ada negara kita ini kekal menjadi sebuah negara demokrasi adalah terletak kepada kepercayaan rakyat negara ini kepada sistem demokrasi itu dan oleh kerana negara kita hari ini, pilihanraya di negara kita ini dikendalikan oleh sebuah Suruhanjaya yang bebas, maka kebebasan Suruhanjaya ini perlulah dikekalkan dan dipelihara.

Di dalam Undang-undang Pilihanraya kita yang ada hari ini, walaupun memang Suruhanjaya Pilihanraya tekun dan memelihara kebebasan, mungkin ada, dengan izin, "loophole" atau ada lubang-lubang di mana mereka yang ingin mengambil kesempatan boleh melakukan sesuatu yang akan melibatkan kepercayaan orang ramai atau rakyat negara ini kepada Suruhanjaya ini akan terlibat.

Misalnya perubahan-perubahan kepada pengundi-pengundi di dalam Daftar Pengundi. Di tempat saya misalnya dalam tahun 1982 pihak

Pembangking mempunyai komputernya sendiri sehingga pada masa dibuat semakan daftar mereka lelah menggunakan komputernya mengalih pengundi-pengundi daripada satu kawasan kepada satu kawasan untuk menolong mereka memenangi pilihanraya.

Saya rasa sudah sampai masanya kita mengadakan satu sistem bagaimana pengundi-pengundi tidak mudah diubah daripada satu kawasan kepada satu kawasan sehingga menjejaskan kedudukan perimbangan pengundi dalam mana-mana kawasan pilihanraya. Cara dan sistem ini memang susah tetapi saya rasa perlulah diadakan suatu pengkajian khusus masalah ini supaya tidak akan timbul masalah kestabilan politik di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, suatu masalah lagi ialah masalah sebagaimana telah ditimbulkan oleh seorang saudara saya tadi iaitu masalah penolakan surat penamaan calon.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Negeri Kelantan di mana saya datang di dalam pilihanraya yang lepas ada tiga calon Barisan Nasional telah ditolak pencalonannya. Kita hendak mengetahui apakah asasnya kerana di dalam kawasan yang lain sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya tadi kesalahan yang sama tetapi diterima di kawasan lain. Yang menjadi masalahnya ialah tidak ada pentakrifan yang khusus tentang perkara ini bagaimana surat penamaan itu boleh diterima atau boleh ditolak. Saya berasa sukacita bahawa dalam beberapa bulan yang lepas telah timbul masalah ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kalau tidak salah saya telah membuat perjumpaan ataupun kenyataan yang menyatakan bahawa dalam pilihanraya yang akan datang masalah penolakan surat penamaan calon tidak

akan timbul. Ini pun akan mengelirukan. Bagaimana kalau misalnya seorang calon itu bukan rakyat negara ini dicalonkan? Apakah surat pencalonannya itu tidak akan ditolak? Oleh kerana itu saya rasa bahawa mesti ada kes-kes di mana Suruhanjaya atau pihak yang mengendalikan pilihanraya boleh menolak pencalonan. Tetapi janganlah ditolak kerana kesalahan-kesalahan yang nampaknya hanya semata-mata kerana kesalahan itu tidak ternampak, bukan kesalahan tetapi kesilapan semata-mata. Seperti yang berlaku di Kelantan dahulu di mana borangnya itu tidak ditulis perkataan "Kelantan". Saya rasa apa yang dipraktikkan di India, di mana pihak yang mengendalikan pilihanraya—Returning Officers, dengan izin, mempunyai tanggungjawab untuk membetulkan kesilapan-kesilapan di dalam surat pencalonan. Saya rasa ini perlu.

Yang menjadi masalah di negara kita ini pihak yang mengendalikan pilihanraya hanya akan melihat sahaja jikalau ada kesilapan akan ditengok, kemudian tunggu sehingga pukul 11.00 pagi apabila pencalonan ditutup kemudian beritahu kepada orang, ini salah, walaupun sebelum itu dia telah melihat kesilapan itu.

Saya rasa praktis yang ada di India itu boleh diterima di negara kita ini. Pindaan-pindaan kepada Peraturan-peraturan ataupun Kaedah-kaedah Pilihanraya perlulah dibuat supaya perkara-perkara seperti penolakan yang tidak wajar tidak berlaku tetapi kuasa untuk menolak mesti saya rasa dikekalkan kepada pihak yang mengendalikan pilihanraya kerana takut nanti ketara sangat kesalahan dari segi undang-undang mereka tidak dapat menolak. Misalnya seperti yang saya katakan tadi orang yang tidak menjadi rakyat negara ini menjadi calon atau nama kawasannya itu tidak disebut.

Saya dengan ini merasa suka lah menyeru kepada pihak yang berkenaan supaya menilai kembali Kaedah-kaedah Pilihanraya yang ada sekarang sesuai dengan keadaan di negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini nanti maka ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh sahabat saya tadi bahawa ini menunjukkan Kerajaan kita memang melakukan keadilan kepada semua kawasan ataupun perantauan di negara kita ini. Bahkan di Sarawak ini misalnya lebih adil daripada lain-lain tempat oleh kerana mengikut kepada keadaan penduduk Sarawak ini lebih banyak daripada Kelantan misalnya tetapi di Kelantan kita hanya mendapat 12 kerusi pilihanraya sedangkan di Sarawak mendapat 27 kerusi pilihanraya kawasan Parlimen, sedangkan peruntukan kuasa negeri Sarawak lebih besar daripada peruntukan kuasa negeri Kelantan. Ertinya kita telah memberikan lebih adil kepada Sarawak dan oleh kerana itu saya rasa bagi negeri Sarawak tidak seharusnya timbul masalah-masalah sebagaimana yang telah timbul pada masa yang lepas bahawa Semenanjung ini melakukan penjajahan kepada Sarawak sebagaimana timbul pada masa yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pindaan peruntukan yang membolehkan Setiausaha-setiausaha Parlimen untuk mengambil bahagian di dalam Dewan Negara ini, saya mengalu-alukan pindaan ini Tetapi walau bagaimanapun, suka lah saya memperingatkan di sini bahawa Dewan Negara ini adalah Dewan tertinggi di dalam Parlimen dan kita memerlukan jawapan-jawapan yang lebih tepat dan benar. Oleh kerana itu Setiausaha-setiausaha Parlimen yang akan hadir untuk menjawab bagi pihak Menteri pada masa yang akan datang, kita berharap sebelum datang

menjawab perlulah mendapat butir-butir yang luas supaya nanti dalam soalan tambahan mereka akan dapat memberikan jawapan-jawapan yang betul dan tepat. Saya tidak mahu oleh kerana soalan itu merupakan soalan yang mereka tidak berapa tahu mereka minta notis dan sebagainya. Dan oleh kerana memerlukan notis mungkin Ahli yang bertanya itu terlupa pula untuk memberi notis pada persidangan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.21 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamad Khalil bin Yaakob):**

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, bagi membuat peruntukan untuk menambahkan bilangan Ahli-ahli Dewan Rakyat dari negeri Sarawak dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, termasuk peruntukan untuk Suruhanjaya Pilihanraya membuat ulangkaji di bawah Fasal 2 Perkara 113 Perlembagaan, untuk membahagi-bahagikan negeri Sarawak kepada bahagian-bahagian pilihanraya Persekutuan dan Negeri. Dan juga perbahasan yang ada kaitan dengan peruntukan supaya Perkara 61 Perlembagaan terpakai kepada seseorang Setiausaha Parlimen untuk membolehkannya hadir bersama-sama di dalam Dewan yang mulia ini.

Dalam rangka Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan perkara-perkara yang ada kaitan dengan Rang

Undang-undang ini, banyak perkara-perkara yang telah disentuh dan memerlukan penjelasan. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang dan memang tidak dapat menjawab semua perkara-perkara yang terperinci yang telah dibangkitkan dan dari segi asas kenapa Rang Undang-undang ini perlu, sudah pun saya jelaskan dalam rangka saya membentangkan hal itu tadi.

Satu perkara yang ada dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, ialah mengenai kemampuan Suruhanjaya mengendalikan tugas-tugas yang dikehendaki di bawah peruntukan Perlembagaan bagi menambah ataupun mengkaji kawasan-kawasan pilihanraya itu sendiri,

Saya ingin menyatakan di sini bahawa Suruhanjaya Pilihanraya memang mempunyai kepakaran dan kemampuan untuk melaksanakan tanggungjawab mempersempadankan semula bahagian-bahagian pilihanraya Negeri termasuk juga negeri Sarawak seperti yang telah dibangkitkan. Tugas-tugas yang dilakukan itu adalah pada pendapat Kerajaan penuh tanggungjawab dan hasil-hasil kajian yang telah dibuat oleh Suruhanjaya ini telah memberikan kepuasan sebenarnya kepada semua pihak. Di samping itu pihak Suruhanjaya juga mengambil kira prinsip-prinsip yang ada termasuklah perkara-perkara yang dianggap sensitif, dan dengan hasrat dan kemahuan sebenarnya rakyat jelata supaya di dalam membentuk kawasan-kawasan pilihanraya ataupun mengkaji semula kawasan-kawasan pilihanraya semua kaum akan dapat diberi peluang mendapat suara dan tempat di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Dan ini adalah penting supaya kestabilan politik di dalam negara, keamanan dan ketenteraman serta juga kesejahteraan rakyat jelata sentiasa terjamin melalui proses demokrasi berparlimen yang kita amalkan.

Suruhanjaya Pilihanraya di masa-masa yang lepas telah juga memberikan pertimbangan yang teliti terhadap faktor-faktor luar bandar seperti juga yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sebenarnya prinsip-prinsip persempadanan untuk ada menentukan supaya kawasan-kawasan serta juga faktor-faktor dari segi kesukaran perhubungan yang berlaku di luar bandar, ini semua bukan sahaja di beri pertimbangan, kadangkala diberi keutamaan. Di samping itu juga pihak Suruhanjaya Pilihanraya terpaksa juga meneliti dan memberi pertimbangan terhadap bilangan pemilih dalam rangka menentukan sempadan mana-mana kawasan pilihanraya, khususnya di negeri-negeri yang luas dan bagi maksud ini kawasan seperti di negeri-negeri Sarawak dan Sabah dan juga negeri-negeri yang besar dan luas seperti Pahang—saya sebut Pahang itu negeri saya (*Ketawa*). Ini semua diambil kira dan di dalam tugas-tugas seperti ini pertimbangan secara keseluruhan akan faktor-faktor yang saya sebutkan tadi sudah tentu kita harap akan mewujudkan satu keadaan yang sangat adil.

Beberapa perkara lain yang ada disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya boleh kumpul di bawah beberapa tajuk memanjangkan lagi perkara sempadan.

Ada juga Ahli Yang Berhormat tadi menyentuh kadangkala sempadan kawasan pilihanraya ini tidak persis ataupun tidak sesuai dengan keadaan pentadbiran daerah. Oleh itu bagi Wakil-wakil Rakyat yang telah dipilih mewakili kawasan-kawasan ini menghadapi kesukaran berkejar ke sana ke sini demi untuk melaksanakan tugas menghadiri diri di dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah dan lain-lain badan yang perlu diwakili.

Saya ingin juga menyatakan di sini dari segi kesesuaian ini, bukan sahaja kawasan pilihanraya sangat sukar disesuaikan dengan kawasan pentadbiran daerah, tetapi terdapat juga kawasan-kawasan daerah lain seperti daerah polis, daerah kadi, daerah pelajaran, ini juga tidak sama dengan kawasan pentadbiran daerah oleh kerana memikirkan faktor-faktor yang lain dan yang paling penting perkara ini tidak dapat disesuaikan ialah bilangan pentadbiran ataupun bilangan kawasan pentadbiran daerah sebenarnya adalah lebih kecil lagi daripada bilangan kawasan-kawasan pilihanraya. Kalau ini boleh diseragamkan bermakna semua benda nanti terpaksa kita samakan, kawasan polis, kawasan kadi, kawasan pelajaran, kawasan pilihanraya dan sebagainya, tetapi unsur-unsur berbeza memandangkan keperluan semasa.

Umpamanya, sekarang ini pun kita tidak boleh menyamakan kawasan pelajaran daerah dengan kawasan pentadbiran biasa oleh kerana mungkin di kawasan itu jumlah sekolah masih lagi tidak cukup untuk memerlukan kawasan daerah pelajaran sebagai contoh. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihanraya telah mencuba dengan sedaya-upaya untuk menentukan supaya masalah-masalah seseorang Wakil Rakyat yang terpaksa seperti saya katakan tadi berulang alik ke Pejabat-pejabat Daerah untuk menjalankan tugasnya dikurangkan. Bilangan kawasan pilihanraya Parlimen yang merangkumi beberapa pentadbiran daerah dalam keadaan yang sekarang ini adalah kecil juga, tidaklah begitu banyak dan setakat ini walaupun ada tidaklah menimbulkan masalah secara keseluruhannya.

Saya ingin juga menyentuh satu perkara lagi yang dibangkitkan iaitu mengenai dengan exercise ataupun tugas mendaftarkan sama ada

pengundi-pengundi baru ataupun mengkaji pendaftar-pendaftar sama ada masih ada lagi di kawasan itu ataupun yang sudah meninggal dan sebagainya yang tidak perlu lagi ada di dalam daftar.

Persesuaian tempat mengundi sebenarnya sedang dikaji dan sudahpun dikaji dalam mana-mana perkiraan dan kaedah pendaftaran pemilih telah juga baru-baru ini diperbaharui dan mendapat satu kejayaan besar dalam rangka seperti saya katakan tadi, "exercise" atau gerakan untuk mendapat pengundi-pengundi baru.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi membuktikan kejayaan langkah-langkah baru yang telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini, saya ingin menyatakan dalam "exercise" yang paling terakhir ini, bilangan pengundi baru yang berdaftar dalam bulan Mac/April yang lepas ialah sebanyak 708,843 dan ini merupakan satu kejayaan Suruhanjaya mengendalikan sistem bersepadu yang telah dilaksanakannya.

Jadi dengan adanya cara ataupun pendekatan baru ini maka bilangan pemilih ataupun pengundi di seluruh negara sekarang ini ialah kira-kira 7 juta orang, iaitu satu juta lebih pengundi-pengundinya daripada pilihanraya umum yang lepas. Kalau kita kira sekitar 48% penduduk-penduduk di negara ini adalah yang berumur 21 tahun, mengikut angka-angka yang kita dapat, ini bermakna angka 7 juta pengundi-pengundi ini sudah hampir mencapai kepada tingkat semua orang dewasa sudahpun didaftarkan, walaupun masih ada lagi ruang saya tahu beberapa banyak dalam hal ini. Tetapi dari segi kejayaan ini telah dapat menunjukkan bahawa Suruhanjaya dapat mengendalikan tugasnya, kalau kita juga mengingati bahawa kita belum lagi mewajibkan sistem mengundi ini.



Sekali lagi saya mengatakan di sini, kejayaan ini seharusnya dihargai oleh kita sekalian. Dalam pada itu adalah diharapkan kesemua parti-parti politik dan badan-badan lain dapat juga mengemukakan cadangan-cadangan untuk memperbaiki lagi kalau ada kepincangan-kepincangan khususnya mengenai tempat-tempat mengundi, tempat-tempat Suruhanjaya mengenalpastikan, apa kita namakan sama ada pusat mengundi ataupun tempat mendaftar dan sebagainya kerana cadangan-cadangan seperti ini bolehlah kita sampaikan dan segala cadangan-cadangan ini akan diterima dengan baik oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai beberapa perkara lain yang ada kaitan dengan proses pemilihan ini, satu daripadanya yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah tentang bangunan. Ada yang dikatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya kadangkala tidak dapat mengenalpastikan bangunan-bangunan yang sesuai ataupun bangunan-bangunan dahulu yang telah tidak lagi dipandang tepat dari segi keadaan kemaskini masih lagi dikekalkan.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa pihak Suruhanjaya Pilihanraya telah pun mengenalpasti bangunan-bangunan yang sesuai untuk dijadikan tempat mengundi di dalam pilihanraya yang akan datang dan ini dapat dilakukan dan sudah pun dikenalpasti bagi seluruh negara.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah pun berlaku beberapa perubahan yang besar dalam penyusunan semula tempat-tempat mengundi ini. Maklum-balas daripada pihak-pihak yang berminat, daripada peringkat-peringkat tertentu termasuk di peringkat tempatan adalah amat penting dan ianya juga menjadi

sumbangan supaya perubahan-perubahan yang diharapkan itu segera akan dapat dilaksanakan.

Sekali lagi, seperti saya katakan tadi, walaupun kita sudah mengenalpasti ataupun Suruhanjaya Pilihanraya telah mengenalpasti tempat-tempat yang dianggapkan sesuai, masanya masih lagi ada untuk kita, kalau ada, boleh mencadangkan untuk pertimbangan oleh pihak Suruhanjaya sekiranya tidak ada kesesuaian.

Berhubung dengan Daftar Pemilih, Suruhanjaya akan dapat memperbetulkan apa-apa kesalahan sekiranya ada tuntutan atau bantahan semasa daftar itu dipamerkan tiap-tiap tahun. Dalam hal ini sudah tentu kita mengharapkan kerjasama daripada semua pihak kerana, selain daripada kita mengingatkan rakyat jelata sekalian untuk turut mendaftar, tugas yang penting ialah untuk kita juga menentukan dengan kita mengkaji atau melihat semula sama ada nama kita dikekalkan supaya apabila berlakunya pilihanraya tidaklah nanti terdapat keadaan yang mana beberapa bilangan, seperti yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, nama-nama pemilih tidak terdapat lagi di dalam senarai.

Mengikut sistem yang ada di dalam Suruhanjaya Pilihanraya sekarang ini, insya Allah kita merasakan apabila sudahpun dipastikan daftar-daftar yang terakhir dan daftar-daftar yang terakhir ini digunakan di dalam pilihanraya, sekiranya ada berlaku di dalam bila-bila masa, insya Allah tidak akan berlaku lagi perubahan kerana yang terakhir itu selepas dikaji, juga akan digunakan untuk dijadikan daftar bagi kita menentukan pengundi-pengundi dalam pilihanrayanya.

Satu perkara yang penting yang ada juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dalam rangka kita

membahaskan proses perjalanan pilihanraya ini ialah berkenaan dengan borang. Ada beberapa Ahli Yang Berhormat tadi menyentuh fasal borang yang mengatakan borang sekarang susah sehingga ada yang ditolak oleh kerana salah memasukkan satu ayat sahaja, dengan tidak menyebutkan nama negeri ataupun barangkali terkeliru dari segi saksi-saksi dan sebagainya. Kalau kita kajikan daripada perbincangan yang dibuat tadi, boleh saya katakan "consensus" daripada pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat ialah supaya borang itu atau pun cara kita hendak mengisikan borang itu lebih senang lagi dan kalau borang itu lebih senang jadi tidak adalah terdapat kekeliruan. Kalau ada kekeliruan nanti, umpamanya ejaan yang salah sedikit puri, dalam Kad Pengenalan I/C eja lain, dalam daftar pengundi lain, kalau di situ salah taip satu ayat lain, ini menjadi satu perbincangan perkara-perkara yang remeh-temeh seperti ini akan dapat diselesaikan asalkan barangkali pihak Suruhanjaya Pilihanraya betul-betul mengenalpasti bahawa orang yang ada dalam borang itu dialah yang hendak menjadi calon.

Ada Ahli Yang Berhormat yang terakhir tadi pula mengatakan kalau borang ini terlalu senang sangat, nanti orang yang bukan warganegara pun boleh menjadi calon, ini susah kita hendak berkira. Dalam satu bab kita rasa kita hendak cuba menyenangkan borang ini demi untuk memberi keadilan, tetapi saya jangka walau sesenang mana pun borang ini akan diwujudkan ataupun dibentuk oleh Suruhanjaya, dia tidaklah sampai begitu rupa sehingga orang yang tidak mempunyai Kad Pengenalan biru sebagai warganegara boleh bertanding. Saya kira tidaklah sampai kepada peringkat yang mana semua orang termasuk yang bukan warganegara boleh juga menjadi calon kerana dengan sendirinya ini melanggar peraturan.

Berhubung dengan cadangan-cadangan ataupun suara-suara yang telah disampaikan kepada pihak Suruhanjaya ini supaya menyenangkan proses mengisi borang ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa pihak Suruhanjaya Pilihanraya sekarang ini secara aktif sedang mengkaji undang-undang yang berkaitan dengan hal ini. Walaupun kita tidak boleh mempengaruhi kajian ataupun keputusan Suruhanjaya ini, kita sangat mengharapkan maka akan wujud kemungkinan borang-borang yang ada kaitan dengan pencalonan ini akan dibentuk dalam bentuk yang lebih senang dan berlainan dan mungkin juga keperluan yang lebih ringkas untuk digunakan dalam pilihanraya yang akan datang. Saya ingin menyatakan di sini, pihak Suruhanjaya Pilihanraya sedang mengkaji hal ini dengan giat dan aktif dan sekiranya terdapat sesuatu penyelesaian sudah tentu ianya akan diumumkan. Maka oleh kerana badan ini merupakan badan yang bebas, terpujanglah untuk menentukan hal ini kepada pihak Suruhanjaya sendiri.

Selain daripada perkara-perkara yang ada kaitan dengan jentera pilihanraya, Suruhanjaya Pilihanraya dan sebagainya, tetapi ada kaitan dengan cadangan ataupun Rang Undang-undang yang saya bawa ini, ialah perkara-perkara yang ada disentuh iaitu harapan kita melalui Rang Undang-undang ini supaya Setiausaha Parlimen juga akan bersama-sama dapat hadir dan melaksanakan tugas-tugas bagi pihak Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah juga memberi sokongan kepada maksud pindaan ini dan saya ingin menyentuh sedikit. Di dalam hubungan ini

ataupun di dalam hakikat kita berkehendakkan Setiausaha-setiausaha Parlimen menjawab ataupun mengendalikan tugas bagi pihak Menteri-menteri mereka, saya ingin menyakinkan Dewan ini bahawa para Menteri walaupun sekarang ini boleh dibantu lagi oleh Setiausaha Parlimen akan tetap memberi perhatian yang sama berat kepada urusan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Oleh yang demikian Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus mendapat jawapan dan penjelasan daripada Menteri-menteri mengenai tugas dan tanggungjawab masing-masing walaupun pindaan ini disokong dan diluluskan.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun kadang kala kelihatan Menteri-menteri mungkin tidak hadir secara langsung di dalam Dewan waktu bersidang, saya ingin menyatakan, Menteri-menteri sebenarnya dalam melaksanakan tugas-tugas, sekiranya tidak berada di dalam Dewan dikehendaki berada di pejabat masing-masing, dengan izin, di Tower Block, di kawasan Parlimen. Saya tahu banyak Menteri-menteri pada tengah hari seketika ada sidang Dewan, berada di dalam pejabat masing-masing dan kalau diperhatikan bahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun senantiasanya sahaja berada di pejabat-pejabat mereka di Tower Block Parlimen dan dengan itu dapat mengikuti segala perbincangan ataupun perjalanan yang ada, sama ada di dalam Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara ini. Saya yakin ucapan-ucapan yang bernas, cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semuanya bukan sahaja diambil tindakan bahkan didengar dengan begitu teliti oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri kita.

Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang yang saya bawa itu dan memberi sokongan. Dengan itu saya tamatkan ucapan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah atas Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali yang kedua dan bagi maksud ini Majlis akan mengadakan belah bahagian mengikut peruntukan perenggan 3 dalam Perkara 159 Perlembagaan.

Penghitungan-penghitungan undi diminta mengambil tempat masing-masing.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

*Loceng dibunyikan.*

*Dewan berbelah-belah bahagi.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi ialah Yang Bersetuju, 49 orang; Yang Tidak Bersetuju, Tiada; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

YANG BERSETUJU:

1. Datuk Ishak Abdul Rahman.
2. Tuan Loo Swee Mok.
3. Puan Hasanah Haji Mohd. Kassim.
4. Datuk James Bernard Willie.
5. Tuan Kenneth Kanyan. Temenggong Koh.
6. Tuan Fadzil Mahmood.
7. Tuan Kee Yong Wee.
8. Tuan Haji Mohamed Yahya.
9. Tuan Mohamed Yusoff Kassim.

10. Tuan Ahmad bin Othman.
11. Tuan Nasir bin Haji Manap.
12. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya.
13. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang.
14. Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah.
15. Tuan Hassan Nam.
16. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad.
17. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.
18. Puan Hajjah Habibah Abdul Ghani.
19. Tuan Harun Hassan.
20. Tuan Wong Yau Ket.
21. Tuan Mohd. Noor Bedah.
22. Tuan Tay Chee King.
23. Dato' Dr Mohamad Yusof Haji Mohamad Noor.
24. Datuk Abang Haji Ahmad Urai.
25. Tan Sri Ismail Khan.
26. Datuk Haji Mohd. Din Jaafar.
27. Datuk G, Pasamanickam.
28. Tuan Haji Abd. Wahab bin Abu Bakar.
29. Puan Sri Janaki Athi Nahappan.
30. Puan Nen Abidah binti Abdullah.
31. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan.
32. Tuan Jaafar bin Harun.
33. Tuan Stephen Timothy Wan Ulok.
34. Puan Rokiah @ Maimun Zainuddin.
35. Tuan Paramjit Singh.
36. Tuan Haji Shahrom Maasom.
37. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim.
38. Datuk Loh Fook Yen.
39. Tuan Bee Yang Sek.
40. Tuan Ng Ah Poi.
41. Tuan M. G. Pandithan.

42. Tuan Mohd. Yusoff @ Yusof Haji Md. Nor.
43. Tuan Abdul Ghani Haji Othman.
44. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif.
45. Tuan Haji Husein bin Ahmad.
46. Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar @ A.S. Dawood.
47. Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said.
48. Tuan Tiong Hiew King.
49. Dato' K. S. Nijhar.

YANG TIDAK BERSETUJU:

**Tiada**

YANG TIDAK MENGUNDI:

**Tiada**

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

*"Majlis Mesyuarat bersidang semula,*

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1985 dibaca pada kali ketiga dan diluluskan.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya kemukakan masalah atas Rang Undang-undang ini untuk Bacaan Kali Ketiga dan bagi maksud ini, Majlis akan mengadakan belah-bahagian mengikut peruntukan perenggan 3 dalam Perkara 159 Perlembagaan.

Penghitung-penghitung undi diminta mengambil tempat masing-masing.

*Loceng dibunyikan.*

*Dewan berbelah-bahagi.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan mengundi ialah Yang Bersetuju, 49 orang; Yang Tidak Bersetuju, Tiada; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**YANG BERSETUJU:**

1. Datuk Ishak Abdul Rahman.
2. Tuan Loo Swe Mok.
3. Puan Hasanah Haji Mohd. Kassim.
4. Datuk James Bernard Willie.
5. Tuan Kenneth Kanyan Temenggong Koh.
6. Tuan Fadzil Mahmood.
7. Tuan Kee Yong Wee.
8. Tuan Haji Mohamed Yahya.
9. Tuan Mohamed Yusoff Kassim.
10. Tuan Ahmad bin Othman.
11. Tuan Nasir bin Haji Manap.
12. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya.
13. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang.
14. Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah.
15. Tuan Hassan Nam.
16. Dato' Kamaruzaman biri Ahmad.
17. Tuan Haji Abu Bakar bin-Lajim.
18. Puan Hajjah Habibah Abdul Ghani.
19. Tuan Harun Hassan.
20. Tuan Wong Yau Ket.
21. Tuan Mohd. Noor Bedah.
22. Tuan Tay Chee King.
23. Dato' Dr Mohamad Yusof Haji Mohamad Noor.
24. Datuk Abang Haji Ahmad Urai.
25. Tan Sri Ismail Khan.
26. Datuk Haji Mohd. Din Jaafar.
27. Datuk G. Pasamanickam.
28. Tuan Haji Abd. Wahab bin Abu Bakar.
29. Puan Sri Janaki Athi Nahappan.
30. Puan Nen Abidah binti Abdullah.
31. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan.
32. Tuan Jaafar bin Harun.
33. Tuan Stephen Timothy Wan Ulok.
34. Puan Rokiah *alias* Maimun Zainuddin.
35. Tuan Paramjit Singh.
36. Tuan Haji Shahrom Maasom.
37. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim.
38. Datuk Loh Fook Yen.
39. Tuan Bee Yang Sek.
40. Tuan Ng Ah Poi.
41. Tuan M. G. Pandithan.
42. Tuan Mohd. Yusoff *alias* Yusof Haji Md. Nor.
43. Tuan Abdul Ghani Haji Othman.
44. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif.
45. Tuan Haji Husein bin Ahmad.
46. Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar *alias* A,S. Dawood.

47. Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said.
48. Tuan Tiong Hiew King.
49. Dato' K. S. Nijhar.

**YANG TIDAK BERSETUJU:**

**Tiada**

**YANG TIDAK MENGUNDI:**

**Tiada**

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang esok, 3hb Disember, 1985.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.02 malam.*